



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I Bil. 2 Hari Selasa 2hb Disember, 1986

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri
Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong -
Y.B. Puan Mazidah binti Haji Zakaria (Ruangan 38)**

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 2hb Disember, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

RELA - JUMLAH ORANG ASLI

1. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah bilangan anggota dan Unit RELA di kalangan Orang Asli ditubuhkan di kampung-kampung di Semenanjung dan juga difahamkan banyak tempat/kampung mereka ini ditubuhkan Unit RELA tetapi senjatapi tidak diberi secukupnya mengikut unit yang sepatutnya, jika benar, apa sebabnya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah Orang Asli yang menjadi ahli RELA di seluruh negara adalah seramai 2,867 orang manakala unit-unit RELA yang ditubuhkan di kawasan perkampungan Orang Asli ialah sebanyak 489 unit.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 804 laras senapang patah telah dibekalkan kepada anggota-anggota RELA yang terdiri daripada Orang Asli. Angka ini merupakan 28% daripada keseluruhan ahli RELA di kalangan Orang Asli. Bagi kaum-kaum lain jumlah peratusan yang diberi senjatapi adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan peratusan yang diberikan kepada Orang-orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak membekalkan senjatapi kepada tiap-tiap ahli RELA sama ada di kalangan Orang Asli ataupun bukan Orang Asli. Senjatapi yang diberi adalah kepada unit-unit RELA dan untuk digunakan berganti-ganti oleh ahli-ahli bagi unit berkenaan. Pemberian senjatapi adalah berdasarkan kepada keperluan dan keadaan keselamatan di satu-satu kawasan. Oleh kerana

Orang-orang Asli tinggal di kawasan yang terdapat ancaman komunis, maka unit RELA di kalangan Orang Asli telah diberi bilangan senjata yang lebih berbanding dengan kaum-kaum yang lain.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kecergasan atau keaktifan unit-unit RELA di kawasan-kawasan luar bandar yang ditubuhkan beberapa tahun dahulu sekarang mengalami kelembapan kerana barangkali kurangnya kursus-kursus ulangkaji seperti yang diadakan pada beberapa tahun yang lalu. Saya berharap supaya RELA dapat dicergaskan lagi terutama sekali untuk memberikan maklumat-maklumat sebagai mata dan telinga Kerajaan di dalam hal pendatang-pendatang haram khususnya. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar masalah ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memang sedar akan keadaan kemerosotan dalam Pasukan RELA itu sejak tanya ditubuhkan. Dengan sebab itu satu bentuk Kertas Kerja telahpun digubal oleh Kementerian Dalam Negeri untuk melihat dan mengemaskinikan Pasukan RELA di seluruh negara supaya ia benar-benar merupakan mata dan telinga Kerajaan dan dapat benar-benar merupakan satu golongan masyarakat di kampung yang dapat membangunkan masyarakat keseluruhannya, bukan sahaja dari segi ancaman penjenayah tetapi juga dari segi pembangunan-pembangunan di sekitar kampung.

Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada keadaan keselamatan di dalam dan di luar negeri kita dan ancaman-ancaman yang berbagai-bagai dari dalam dan luar negeri juga, tidakkah pihak Kementerian Dalam Negeri

hendak menambah lagi unit RELA agar ianya dipastikan ada di setiap kampung dan pekan juga desa dan diberi latihan-latihan yang lebih kepada belia-belia iaitu latihan RELA yang beralah tentera kepada belia-belia yang lepasan sekolah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi bahawa Kementerian Dalam Negeri telah sedar akan keadaan ini dan sedang mengemaskinikan Pasukan RELA untuk diperbesarkan lagi. Kementerian Dalam Negeri juga akan mengadakan satu pusat latihan khas untuk Pasukan-pasukan RELA agar mereka merupakan satu pasukan pertolongan bagi tentera-tentera dan polis kita apabila keadaan negara terancam.

Puan Ainon binti Ariffin: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta kenyataan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu adakah pihak Kementerian Dalam Negeri menyedari penyelewengan-penyelewengan senjata api di kalangan anggota RELA, umpamanya ada yang digunakan untuk rompakan dan ada juga digunakan semata-mata kerana memburu, iaitu suatu hobby yang menimbulkan masalah tembak menembak sesama sendiri. Kalau sedar, apakah langkah yang diambil untuk mengenalpasti supaya senjatapi yang diberikan kepada RELA ini tidak seperti senjata makan tuan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita belum lagi mendapat laporan bahawa senjata-senjata yang telah diberikan kepada Pasukan RELA telah disalahgunakan. Tetapi kita telah mendapat laporan bahawa ada senjata-senjata yang telah diberi kepada ahli-ahli RELA yang di mana kawasan itu tidak memerlukan senjata dan ini dalam siasatan Kementerian Dalam Negeri.

DATA PETUNJUK EKONOMI

2. **Puan Mazidah binti Haji Zakaria** minta Menteri Kewangan menyatakan, memandangkan perubahan-perubahan yang begitu besar berlaku dalam ekonomi negara, maka perlu diberikan data-data mengenai petunjuk-petunjuk ekonomi (economic indicators) Malaysia yang utama, yang lebih tepat dan bersesuaian dengan masa, secara sejarah dan secara ramalan. Dalam konteks tni, apakah petunjuk-petunjuk ekonomi yang utama yang telah diterbitkan oleh Kerajaan bagi tahun atau suku tahun yang lalu. Apakah "time lag"nya sebelum angka-angka ini diterbitkan dan jika ramalan-ramalan dibuat bagi angka-angka ini, berapa tepatkah angka-angka ini di masa-masa kebelakangan ini, terutamanya bagi Keluaran Negara Kasar (KNK) dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, data-data petunjuk ekonomi secara sejarah dan secara ramalan ada disediakan tiap-tiap tahun di dalam Laporan Ekonomi keluaran Kementerian Kewangan. Ahli-ahli Dewan yang mulia ini telah dibekalkan satu salinan Laporan Ekonomi dalam Bahasa Malaysia dan juga dalam bahasa Inggeris.

Kerajaan juga ada mengeluarkan data-data sejarah terutamanya melalui Jabatan Perangkaan dan Bank Negara Malaysia secara bulanan, suku tahun dan juga tahunan. Di samping itu juga Kementerian-kementerian lain juga ada mengeluarkan data-data tertentu yang boleh juga dijadikan data petunjuk ekonomi.

Data-data petunjuk utama yang terdapat dalam Laporan Ekonomi 1986/1987 ialah data-data Ekonomi Antarabangsa, Akaun Negara dan Harga, Perdagangan dan Pengeluaran, Kewangan Awam, Wang dan Bank, Gunatenaga, Pelaburan dan Penggunaan Sektor Swasta, Pelaburan Asing dan Petunjuk-petunjuk Sosio-Ekonomi. Maklumat terperinci data-data ini adalah terdapat di Bahagian jadual-jadual perangkaan laporan itu.

Soal "time lag" adalah bergantung kepada jenis-jenis data. Ada data-data sejarah yang hanya mempunyai "time lag" kurang dua bulan dan ada yang lebih. Pada keseluruhannya data-data yang dikemukakan seboleh-bolehnya data yang terbaru sekali dan dikemaskini yang boleh didapati mengikut keadaan.

Data-data ramalan adalah dibuat berasaskan data-data sejarah yang sedia ada dan andaian-andaian. Data-data dan maklumat-maklumat dari agensi-agensi antarabangsa seperti IMF, Bank Dunia dan lain-lain lagi juga digunakan. Oleh itu ketepatan ramalan adalah bergantung kepada berlakunya persamaan andaian-andaian ini dengan perkembangan-perkembangan keadaan sebenar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat keadaan sebenar sentiasa berubah-ubah dan adalah di luar kawalan Kerajaan, misalnya harga-harga barangan utama yang diandaikan mungkin berbeza dengan harga-harga sebenar oleh kerana keadaan pasaran antarabangsa yang di luar kawalan Kerajaan. Aspek ini adalah faktor penting dalam ekonomi negara kerana sistem ekonomi. Malaysia adalah ekonomi terbuka iaitu sebahagian besar dari pendapatan negara lebih kurang 50% dari KNK adalah bergantung kepada prestasi eksport.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian prestasi ekonomi yang sebenar tentu akan berbeza dengan ramalan dari segi angka mutlak kerana perubahan-perubahan keadaan dan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan ekonomi. Pada masa yang lepas perbezaan ramalan-ramalan dengan prestasi sebenar ekonomi adalah tidak begitu besar tetapi keadaan ini menjadi sangat nyata bagi ramalan tahun 1985 dan 1986. Keadaan ini berlaku kerana kejatuhan yang teruk dan luar biasa harga-harga barangan eksport utama Malaysia di pasaran antara-bangsa. Keadaan ini adalah di luar kawalan Kerajaan dan dialami oleh semua negara pengeksport barangan-barangan utama yang berkenaan.

Pada keseluruhannya Kerajaan sentiasa mengemaskinikan data-data petunjuk ekonomi untuk membolehkan dasar-dasar dan tindakan-tindakan Kerajaan disesuaikan dengan perkembangan suasana ekonomi. Pada Kerajaan ramalan yang tepat atau hampir tepat adalah cukup penting untuk rumusan membuat keputusan yang baik.

Usaha-usaha yang gigih sentiasa diambil untuk membuat ramalan-ramalan yang lebih baik dengan menggunakan teknik-teknik ramalan baru seperti model ekonomi makro dan komputer, Ramalan-ramalan adalah sentiasa dikaji semula mengikut perubahan keadaan.

LEBUHRAYA SENAWANG-AIR KERUH - TOL

3. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah dijangka Lebuhraya Senawang-Air Keruh dapat digunakan sepenuhnya; dan tol di Lebuhraya Senawang-Kuala Lumpur akan dimansuhkan apabila semua tol-tol di persimpangan jalan di sepanjang panjang Lebuhraya tersebut sudah beroperasi.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya Senawang/Air Keruh akan dibuka kepada

lalulintas pada bulan Mei, 1987 Manakala kutipan tol secara terbuka di Lebuhraya Kuala Lumpur/Senawang dan di lebuhraya-lebuhraya lain yang ada sekarang akan dimansuhkan apabila sistem tol tertutup dilaksanakan. Sistem ini dijangka akan beroperasi sepenuhnya dalam tahun 1990 di mana keseluruhan Lebuhraya Utara/Selatan akan siap.

FARDHU HAJI - MENUNAIKAN LEBIH AWAL

4. **Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan menyedari bahawa ada didapati rakyat Malaysia menunaikan fardhu Haji terlebih awal yang dijadualkan oleh LUTH dan mereka pergi melalui Syarikat-syarikat Pelancongan. Jika sedar, apakah tindakan Kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abdul Ajib bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar adanya rakyat Malaysia yang menunaikan fardhu haji lebih awal dari yang dijadualkan dengan pergi melalui syarikat-syarikat pelancongan. Ini bermakna ada rakyat Malaysia yang pergi ke tanah suci pada bulan Syaaban atau awal Ramadhan mula-mula untuk menunaikan umrah tetapi telah tinggal di sana menunggu musim haji dengan visa umrah yang telah tamat tempohnya. Oleh kerana mereka itu menggunakan visa umrah dan setelah itu hendak menunaikan fardhu haji maka kadangkala mereka menghadapi masalah apabila Kerajaan Arab Saudi enggan menukarkan visa umrah mereka kepada visa haji.

Oleh itu Kerajaan melalui Tabung Haji telah menasihatkan rakyat Malaysia supaya jangan menunaikan fardhu haji dengan menggunakan visa umrah tetapi menggunakan visa haji dan mengikut jadual yang ditetapkan oleh Tabung Haji. Mereka juga hendaklah menunaikan haji dengan pergi melalui Tabung Haji dengan sebab syarikat-syarikat pelancongan kurang faham dengan segala peraturan mengenai haji dan umrah.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Pergi ke tanah suci menunaikan umrah dan seterusnya menyambung untuk menunaikan haji adalah perkara ibadah yang dituntut sekali seumur hidup bagi mereka yang berkuasa. Soalnya sekarang ini, saya ingin tahu, adakah Kerajaan mencari jalan untuk menolong mereka yang mampu untuk tinggal di Mekah lebih lama supaya mereka dapat bantuan dari Kerajaan sama ada melalui perundingan antara Malaysia dan Saudi Arabia atau melalui usaha dari Tabung Haji supaya mereka yang ingin menyempurnakan ibadahnya lebih lama di tanah suci Mekah itu dapat bantuan dan pertolongan dari Kerajaan dan tidak terlantar?

Yang kedua, nasihat ini telah diberikan hampir 10 tahun supaya mengikuti kalau hendak ke Mekah melalui Tabung Haji. Namun demikian, ada juga kalangan rakyat kita yang masih tidak mahu mengikut nasihat itu. Jadi, apakah cara yang sebaiknya yang Kerajaan fikir untuk menyelesaikan masalah ini supaya tidak berlanjutan?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, syarat untuk mendapatkan visa umrah ataupun untuk mendapatkan visa haji sama ada untuk tujuan umrah ataupun untuk menunaikan fardhu haji adalah dikenakan oleh Kerajaan Arab Saudi sendiri. Saya percaya sudah tentulah bakal-bakal haji ataupun umat Islam yang ingin mengerjakan umrah faham dan tahu pada peringkat awal sama ada tujuan mereka ke tanah suci itu adalah untuk tujuan umrah ataupun untuk tujuan menunaikan fardhu haji.

Kalaulah tujuannya untuk menunaikan fardhu Haji, sudah tentulah cara yang sebaik-baiknya ialah untuk memohon visa haji dan kalaulah tujuannya semata-mata untuk menunaikan ataupun mengerjakan Umrah, sudah tentulah cara yang sebaik-baiknya ialah untuk mendapatkan visa Umrah, tetapi kalaulah tujuannya untuk mengerjakan Haji dan untuk berbuat demikian, menggunakan visa Umrah, saya fikir dari segi syarikat yang telahpun melanggar daripada peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi. Dari segi nasihat, saya percaya Ahli Yang Berhormat tentu sedia maklum bahawa kalaulah seseorang itu ingin menunaikan fardhu Haji tetapi menggunakan visa Umrah, sudah tentulah detigan keadaan sekarang ia boleh berbuat demikian dan amat sukar bagi Kerajaan kita untuk mengawal perkara ini daripada berlaku.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini kita dengar ada agensi ataupun syarikat pelancongan yang membawa jemaah Haji ke Mekah telah gagal membawa pelanggannya kerana sesuatu sebab ataupun penyelewengan kewangan. Soalan saya, apakah tindakan Kerajaan bagi membela nasib mereka yang telah terpedaya itu dan agar peristiwa sedemikian tidak berlaku lagi kepada jemaah-jemaah haji yang lain. Dan adakah syarikat pelancongan tersebut masih boleh menjalankan urusannya pada tahun ini?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku pada tahun ini di mana lebih kurang 300 lebih orang bakal haji telah terkandas adalah merupakan satu kerja penipuan daripada salah satu syarikat pelancongan. Dan dari segi ini untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit, yang berhadapan dengan bakal-bakal Haji itu, sudah tentulah kes ini terpaksa dibawakan terlebih dahulu kepada pihak yang berkuasa untuk menjalankan tindakan undang-undang.

Tetapi sebelum itu dapat dilakukan sudah tentulah satu laporan kesalahan jenayah terpaksa dibuat ataupun dilaporkan kepada pihak Polis. Dan dari segi jemaah haji yang terlibat nampaknya tidak seorang pun yang ingin berbuat demikian dan oleh hal yang demikian, Kerajaan tidaklah berupaya untuk mengambil satu-satu tindakan terhadap syarikat pelancongan yang terlibat itu.

Dari segi tindakan oleh pihak Tabung Haji untuk menentukan bahawa masalah ini tidak berbangkit pada masa-masa yang akan datang, Kerajaan telahpun mengumumkan langkah-langkah untuk mengenakan syarat-syarat yang ketat ke atas syarikat-syarikat pelancongan swasta yang ingin mengendalikan bakal-bakal haji untuk berlepas ke Tanah Suci, Ini akan dikenakan kepada syarikat-syarikat pelancongan yang akan menjalankan urusan ini pada tahun ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di sini bahawa mengikut undang-undang ataupun Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji memang syarikat-syarikat pelancong itu dibolehkan mengendalikan urusan-urusan haji bagi mereka yang memilih untuk menunaikan fardhu haji melalui pihak swasta. Tetapi dari segi Kerajaan untuk mengelakkan pengalaman yang berlaku pada tahun ini, Kerajaan adalah berhasrat sepertimana yang saya sebutkan tadi untuk mengetatkan syarat-syarat yang membolehkan syarikat-syarikat pelancongan ini menjalankan perniagaan mereka supaya kepentingan bakal haji itu terpelihara.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengemukakan satu soalan kepada Menteri yang berkenaan. Yang pertama, apakah perkembangan-perkembangan perundingan di antara LUTH dengan Kerajaan Saudi Arabia mengenai rungutan jemaah haji dari segi kenderaan dan juga dari segi berkenaan dengan kerumitan yang timbul

sewaktu visa, khabarnya kena menunggu sampai 5, 6, 7 jam untuk mendapatkan bas untuk bertolak ke Mina pergi ke Madinah. Yang kedua, tidakkah dapat pihak LUTH juga menyediakan kemudahan keselesaan bagi mereka yang berkemampuan seperti yang dianjurkan oleh Aziz Khogeer?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertama, memang benar tiap-tiap tahun Lembaga Urusan dan Tabung Haji ataupun LUTH menghadapi beberapa masalah dalam pengendalian jemaah haji kita di Tanah Suci. Tetapi pada tiap-tiap tahun saya percaya Lembaga Urusan dan Tabung Haji telahpun mengambil pengalaman ini dan adalah menjadi satu perkara yang nyata sekarang bahawa perubahan-perubahan dan kebaikan-kebaikan dibawa kepada tiap-tiap tahun oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji di dalam mengendalikan jemaah Haji kita di Tanah Suci kalau kita kaji misalnya daripada tahun 1984 masuk tahun 1985 dan juga 1986. Urusan untuk menentukan bahawa ataupun meringankan masalah-masalah kenderaan dan ataupun lain, masalah-masalah lain, tempat penginapan dan sebagainya sentiasa kita buat pada tiap-tiap tahun. Tetapi ada perkara-perkara yang apabila kita menghadapi pada musim Haji itu sendiri walaupun perancangan dibuat dengan begitu halus, beberapa masalah memang kita tidak dapat elakkan memandangkan keadaan yang begitu mendesak masa musim haji sendiri.

Berhubung dengan soalan yang kedua.....

Puan Ainon binti Ariffin: Adakah dapat pihak LUTH menyediakan kemudahan dan juga keselesaan seperti yang diadakan oleh Aziz Khogeer?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Minta maaf. Pada tahun ini, Tuan Yang di-Pertua, package, dengan izin, yang disediakan oleh Aziz Khogeer untuk jemaah Haji yang mampu menggunakan kemudahan-kemudahan

Aziz Khogeer ini akan diperluaskan lagi dengan mengadakan beberapa lagi package dan juga ada pula kelas-kelas package itu sendiri bagi orang yang mampu. Ini akan kita laksanakan pada tahun **ini**.

KWSP - KADAR FAEDAH

5. **Dato' Dr. K. S. Nijhar** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar bahawa kadar bunga yang dibayar kepada sumbangan KWSP adalah kurang daripada kadar inflasi pada tahun-tahun kebelakangan ini dan sekiranya benar, sama ada kadar bunga bagi sumbangan KWSP dapat dinaikkan.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kadar faedah yang dibayar oleh KWSP kepada caruman ahli-ahli ialah 8.5% sejak tahun 1983. Kadar faedah ini adalah lebih tinggi daripada kadar inflasi tahun-tahun kebelakangan ini. Kadar inflasi bagi tahun 1983 dan 1984 adalah kurang daripada 4%, manakala bagi tahun 1985 dan 1986 pula kurang dari 1%. Dengan ini, adalah tidak benar bahawa kadar faedah yang dibayar oleh KWSP kepada caruman ahli-ahli kurang daripada kadar inflasi.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Soalan tambahan. Adakah KWSP ini bercadang untuk meningkatkan lagi jumlah bayaran kadar faedah kepada pencarum-pencarum pada masa yang akan datang. Soalan yang kedua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa KWSP terlalu lambat memproses kejadian-kejadian yang berlaku; pencarum yang ingin tahu jumlah simpanannya sehingga akhir tahun. Dan sekarang ini penyata jumlah simpana itupun sudah tidak sampai lagi kepada ahli-ahli sepertimana pada beberapa tahun yang lalu, penyata merah **itu**.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita ini adalah Kerajaan yang membela rakyat, jadi Kerajaan kita ini sentiasa menjaga atau membela kepentingan rakyat. Mengenai adakah Kerajaan kita sedia meningkatkan kadar faedah kepada caruman-caruman ahli-ahli, memandangkan keadaan ekonomi negara kita pada masa ini, sukarlah bagi Kerajaan kita untuk meningkatkan kadar faedah. Mungkin pada masa akan datang kelak, Kerajaan akan mempertimbangkan berbuat demikian.

Mengenai masalah-masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan akan mengkaji sama ada keadaan itu serius atau tidak. Kalau serius, Kerajaan kita akan mengambil tindakan selanjutnya. Terima kasih.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah pihak KWSP telah membuat persediaan yang cukup supaya tidak ada berlaku kelembapan, kelalaian ataupun juga beberapa penyelewengan secara tidak langsung untuk menampung skim pencen yang dihapuskan, yang akan dipindahkan ke KWSP.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan itu, saya ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa polisi yang dibuat oleh Kerajaan adalah untuk kepentingan rakyat, Jadi tindakan ke arah ini akan memberi faedah kepada rakyat. Terima kasih.

KELAYAKAN MASUK UNIVERSITI

6. **Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Pelajaran menyatakan:
- (a) sama ada Pengetua-pengetua Sekolah telah diarahkan untuk menasihatkan murid-murid mereka dengan jelas berkenaan mata-mata pelajaran yang diambil dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran jika mereka hendak masuk ke Universiti-universiti Tempatan supaya pelajar-pelajar berkenaan tidak dihukumkan kerana kejayaan baik dalam mata-matapelajaran atau matapelajaran kombinasi yang tidak diakui oleh Universiti-universiti dan jika ya, bagaimana; dan
 - (b) bilangan pelajar-pelajar itu, jika ada, yang tidak dapat masuk tahun **ini**, akibat tersalah kombinasi matapelajaran.

Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan bagi soalan:

- (a) adalah menjadi tanggungjawab Pengetua-pengetua Sekolah untuk menjelaskan kepada pelajar-pelajar mengenai matapelajaran yang akan diambil dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Pelajar-pelajar diberi masa yang secukup-cukupnya untuk membuat pilihan matapelajaran-matapelajaran tersebut dengan bantuan ibu bapa dan pihak sekolah.
- (b) hanya sebilangan kecil sahaja pelajar-peiajar yang tidak dapat masuk ke universiti tempatan kerana tersalah kombinasi matapelajaran. Mereka tidak terpilih bukan sahaja disebabkan oleh kesalahan tersebut tetapi markah yang diperolehi bagi matapelajaran-matapelajaran yang diambil adalah terlalu rendah.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu mungkinkah bahasa Tamil akan dijadikan satu subjek yang diambilkira bagi menentukan aggregate, dengan izin, ke dalam pengambilan murid-murid memasuki ke Universiti Sains Malaysia.

Pada masa ini bahasa Tamil tidak diambilkira dalam pemberian markah untuk kemasukan ke universiti.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar dari soalan asal. Namun demikian, perlu saya jelaskan bahawa setakat ini kita belum bercadang untuk mengambilkira bahasa Tamil.

BUKIT KAYU HITAM SEBAGAI ASEAN FREE TRADE ZONE

7. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang hendak menjadikan Bukit Kayu Hitam, Kedah sebagai kawasan ASEAN Free Trade Zone memandangkan ia dapat mengawal kemasukan barang-barang dari Thailand umpamanya dadah dan terdapat Universiti Utara Malaysia di mana penuntut-penuntut dapat membuat penyelidikan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato Kok Wee Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Perdana Menteri di atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan Bukit Kayu Hitam, Kedah sebagai kawasan ASEAN Free Trade Zone.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun tadi jawapan yang diberi oleh pihak Timbalan Menteri tidak bercadang, tetapi memandangkan dalam Jajahan Pasir Mas, Rantau Panjang bersempadan dengan Sungai Golok, kawasan yang serupa supaya dapat diadakan, kerana setakat ini pengaliran wang adalah di sebelah pihak Malaysia sahaja ke Thailand. Jadi memandangkan perkembangan ekonomi kita yang lembab, maka eloklah dipertimbangkan cadangan tadi supaya diadakan kawasan ASEAN Free Trade Zone yang dimaksudkan oleh soalan nombor 7.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, ada perbezaan di antara ASEAN Free Trade Zone dan satu golongan Thailand dengan Malaysia. Saya ingat soalan asal ini ialah untuk membuat satu ASEAN Free Trade Zone, kalau betul, cadangan ini meliputi negara-negara

anggota ASEAN atau rantau ini secara keseluruhannya, sebab itu perkara ini tidak berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

KUOTA PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

8. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah S.O. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada:

- (a) dua puluh enam (26) buah Kementerian-kementerian yang diberi peruntukan pembangunan menepati kuota sebagaimana dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan 6/86, Jika tidak, apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kerajaan; dan
- (b) nyatakan sama ada pihak Kerajaan sedar bahawa hanya sebilangan kecil sahaja Kementerian-kementerian yang diberi peruntukan pembangunan telah mengemukakan laporan kepada Kementerian Kewangan dan PKK membuat penelitian dengan pengambilan tindakan selanjutnya. Jika sedar, apakah usaha-usaha pihak Kerajaan bagi memperbaikinya; dan
- (c) langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi meningkatkan lagi penyertaan kontraktor-kontraktor bumiputera di dalam projek-projek pembangunan Lembaga Letrik Negara (LLN).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua;

Soalan-soalan (a) dan (b) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat adalah kurang jelas. Ini disebabkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil 6 Tahun 1986 adalah berkaitan dengan Elaun dan Bayaran kepada pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam semasa berkursus dan tidak kena-mengena dengan peruntukan pembangunan.

Sekiranya yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.6 Tahun 1986, ianya adalah garis panduan bagi penyediaan cadangan-cadangan Perbelanjaan Tahun 1987, tetapi tidak menyentuh soal kuota. Kedua-dua Pekeliling di atas adalah tidak berkaitan dengan soalan Yang Berhormat,

Mungkin yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah berkaitan dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.6 Tahun 1984 iaitu mengenai Pendaftaran Pusat Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan yang ada menyebut kuota.

Mengikut perenggan 5 Lampiran A kepada Surat Pekeliling Bil. 6 Tahun 1984 itu 30% daripada nilai projek tahunan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun mestilah dikhaskan untuk ditandingi di kalangan kontraktor-kontraktor bumiputera sahaja.

Mengikut perenggan 4 Lampiran A Surat Pekeliling itu Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun telah diarahkan supaya mengemukakan senarai projek-projek yang telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera teras kepada PUSAKABUMI.

(c) Lembaga Letrik Negara memang sentiasa bersedia meningkatkan lagi penyertaan kontraktor-kontraktor bumiputera di dalam projek-projek pembangunannya. Oleh kerana itu ia telahpun menubuhkan sebuah Unit Penyelaras Penyertaan Bumiputera. Di antara tanggungjawab dan fungsi utama unit ini adalah seperti berikut:

- (i) membimbing cara-cara bumiputera memajukan urusaniaga dengan LLN;
- (ii) mengemukakan dan menganalisa data-data yang dikemukakan oleh pihak di dalam LLN bagi menilai prestasi penyertaan syarikat-syarikat

bumiputera serta mengemukakan cadangan kepada pengurusan mengenai langkah lanjut yang boleh diambil untuk meningkatkan urusan bumiputera

- (iii) membantu semua pihak di peringkat Jabatan, Daerah dan stesyen LLN ke arah mencapai matlamat dasar Lembaga untuk meningkatkan kegiatan syarikat-syarikat bumiputera; dan
- (iv) membuat perhubungan dengan PUSAKABUMI, Perbendaharaan dan lain-lain agensi bersabit dengan dasar-dasar Kerajaan mengenai peningkatan prestasi syarikat-syarikat; bumiputera secara keseluruhannya.

Puan Hasanah binti Kassim: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan berapa ramaikah kontraktor bumiputera yang terlibat dengan projek~projek pembangunan Lembaga Letrik Negara?

Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum cukup maklumat yang didapati untuk mengetahui secara terperinci tentang bilangan atau jumlah kontraktor bumiputera, tetapi kalau diberi notis, saya akan dapatkan maklumat **itu**.

AGENSI KERAJAAN - PERUNTUKAN KEWANGAN

9. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Md. Said** minta Menteri Kewangan menyatakan oleh kerana pertumbuhan ekonomi negara kita masih lembab dan pihak Kerajaan pula menanggung beban perbelanjaan yang banyak, adakah pihak Kementerian mempunyai apa-apa rancangan untuk mengurangkan lagi peruntukan wang kepada agensi-agensi Kerajaan seperti memberhenti atau menangguhkan perbelanjaan atas projek-projek dalam masa kemelesetan ekonomi sekarang ini.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, setelah mengambil kira kedudukan ekonomi negara keseluruhannya, Kerajaan baru-baru

ini telah memutuskan bahawa antara lain mengambil langkah-langkah segera untuk mengurangkan perbelanjaan pembangunan sektor awam bagi Rancangan Malaysia Kelima iaitu dari tahun 1986 ke tahun 1990. Ini bermakna peruntukan pembangunan sektor awam ini bagi tahun-tahun yang akan datang akan dikurangkan dengan memberhentikan atau menangguhkan pelaksanaan beberapa projek tertentu. Walau bagaimanapun, dalam usaha mengurangkan peruntukan ini objektif-objektif pertumbuhan dan pembasmian kemiskinan akan terus diberi keutamaan dan projek-projek pembangunan yang bertujuan memperbaiki taraf hidup penduduk, terutama di kawasan-kawasan luar bandar akan diteruskan.

FELDA - JALAN KE RUMAH PENEROKA

10. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jalan menghala ke rumah peneroka di rancangan FELDA di seluruh negara masih jalan tanah merah. Jika musim hujan berlumpur dan licin, jika musim panas berdebu. Jika sedar adakah Kerajaan bercadang menurapkan tar jalan-jalan ke rancangan perumahan peneroka FELDA di seluruh negara.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar jalan-jalan kampung di sebahagian dari rancangan-rancangan FELDA masih jalan tanah merah atau 'laterite surfacing' dan tidak berturap. Keadaan ini adalah disebabkan oleh kerana kedudukan kewangan negara yang kurang memuaskan. Jalan-jalan tersebut setakat ini dibina dan diselenggarakan pada tahap 'laterite surfacing' sahaja.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa lagi skim rancangan FELDA di seluruh Malaysia yang belum lagi mendapat kemudahan-kemudahan asas seperti jalan tar, bekalan air dan elektrik.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, kalau berkehendakkan angka yang tepat maka terpaksa menerima notis daripada Yang Berhormat.

MENARIK BALIK SOALAN NO. 11

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya tarik balik soalan saya yang ke 11.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini ditarik balik. Baiklah.

KADAR KEMISKINAN - MENGURANGKAN

12. **Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi menghadapi kemiskinan di kalangan rakyat, terutama di beberapa kawasan dan daerah luar bandar yang mana hidup mereka di bawah paras kemiskinan, Sejauh manakah pencapaian yang didapati hasil daripada Rancangan Pemulihan Kampung yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijelaskan dalam dokumen-dokumen Rancangan Lima Tahun Kerajaan, usaha-usaha telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan rakyat, terutamanya di kawasan luar bandar. Secara ringkas, antara strategi dan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan ialah seperti berikut:-

- (i) menyerapkan isi rumah miskin di luar bandar ke dalam sektor-sektor moden melalui pembangunan sektor bukan pertanian, terutamanya pembangunan perindustrian;
- (ii) meningkatkan daya pengeluaran petani, terutamanya menerusi pembukaan tanah baru dan pembangunan di kawasan yang sedia ada termasuk penyediaan kemudahan-kemudahan pengairan, khidmat pembangunan dan penanaman semula dengan menggunakan benih yang berhasil tinggi;

- (iii) membantu petani secara langsung dengan memberikan berbagai subsidi terpilih seperti baja, racun serangga dan alat-alat pertanian; dan
- (iv) mempertingkatkan kemudahan asas seperti kesihatan, pelajaran, jalan-jalan luar bandar dan kampung, bekalan air dan elektrik.

Berikutan daripada kesan negatif kemelesetan ekonomi dunia terhadap kemampuan pertumbuhan dan kewangan negara, Kerajaan telah melaksanakan strategi-strategi penyesuaian yang baru seperti sistem perkebunan secara berkelompok yang bertujuan mempertingkatkan mutu pengurusan dan pemandaran kawasan luar bandar. Dasar Pertanian Negara yang telahpun diluluskan oleh Kerajaan adalah juga bertujuan meningkatkan pendapatan golongan miskin di luar bandar. Di bawah sistem ini tanah-tanah terbiar dan keluasan tanah yang tidak ekonomi khususnya, telah dapat dimajukan dan diuruskan secara lebih besar dan ekonomik. Kampung-kampung yang berselerak juga telah dan sedang disatukan dan dijadikan pusat pertumbuhan bagi semua kegiatan-kegiatan bercorak perbandaran yang boleh menambahkan lagi pendapatan dan peluang pekerjaan.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengadakan tempat penginapan yang selamat dan selesa kepada rakyatnya yang miskin. Dipandang dari sudut ini pelaksanaan Rancangan Pemulihan Kampung telah mencapai matlamat usaha-usaha Kerajaan untuk membangunkan kawasan luar bandar. Sebagai contoh ini dapat dilihat daripada jumlah perbelanjaan dan prestasi fizikal program ini sejak tahun 1981 di mana sebanyak 34,861 buah rumah dari 2,373 kampung telah mendapat manfaat.

Kebanyakan daripada peruntukan yang dikeluarkan telah digunakan untuk memulihkan rumah-rumah yang dianggap tidak selamat diduduki. Walau bagaimanapun, Kerajaan memikirkan bahawa setakat memulihkan rumah-rumah sahaja adalah tidak mencukupi untuk memberikan kesan terhadap kemajuan sesebuah kampung itu secara keseluruhannya. Mulai pada tahun 1983 tumpuan kepada pemuliharaan rumah dikurangkan dan tumpuan kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang dapat menghasilkan pendapatan, iaitu melalui perusahaan Industri kampung dan kraftangan mula diberi keutamaan. Namun demikian, permohonan untuk memulihkan rumah dan infrastruktur masih dilayan meskipun terhad kepada kes-kes yang teristimewa.

Untuk menggalakkan penubuhan industri kampung melalui pengembelian kemahiran tradisi penduduk luar bandar di dalam perusahaan rotan, tanah liat, buluh dan sebagainya, Bahagian Industri Kampung (BIK) telah ditubuhkan di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Sesuai dengan hasrat Kerajaan ini, maka peruntukan khusus telah diwujudkan di bawah BIK pada tahun 1984 bagi aktiviti-aktiviti memaju dan menghasilkan usaha-usaha industri kampung dan kraftangan.

RANCANGAN TANAH TERBIAR

13. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah Menteri berkenaan sedar di dalam melaksanakan Rancangan Tanah Terbiar Kawasan Luar Bandar kegiatannya terlalu lembab dan agensi-agensi yang diberikan tugas kurang bergerak serta penerangan-penerangan yang berkait dengannya tidak menyeluruh; jika sedar, apakah langkah-langkah perlu yang akan dilaksanakan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan maklumat yang ada pada kita, dakwaan yang menyatakan bahawa kegiatan melaksanakan Rancangan Tanah Terbiar Kawasan Luar Bandar oleh agensi di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah adalah

terlalu lembab adalah tidak tepat. Sebenarnya usaha bagi memulih dan memajukan tanah-tanah terbiar iaitu tanah-tanah yang mempunyai pemilik dan tidak diusahakan atau yang tidak diusahakan sepenuhnya telah dimulakan mulai dari tahun 1983 apabila Kerajaan telah memper-setujukan supaya program pemulihan tanah terbiar itu dilaksanakan.

Menurut program jangka panjang yang disusun, seluas 565,000 hektar atau kira-kira 1,396,000 ekar telah dikenalpasti untuk pelaksanaan sehingga tahun 1995. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat: yakni tempoh mula pelaksanaannya mulai dari tahun 1983, program dan Pencapaian tahunan adalah seperti berikut:

Bagi tahun 1983 matlamatnya adalah 7,000 hektar, pencapaiannya 7,002 hektar termasuk 4,083 bidang tanah terbiar dan peratusan pencapaiannya 100%.

Bagi tahun 1984 matlamatnya adalah 15,000 hektar, pencapaiannya adalah 15,218 hektar dan peratusan pencapaiannya adalah 101%.

Bagi tahun 1985 matlamatnya ialah 24,000 hektar, pencapaiannya 23,383 hektar dan peratusan pencapaiannya adalah 96.41.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima iaitu 1986 hingga 1990 pula program dan pencapaian tahunan adalah seperti berikut:

Bagi tahun 1986 matlamatnya adalah 30,000 hektar, luasnya 25,768 hektar (setakat bulan Oktober) dan pencapaiannya adalah 86%.

Bagi tahun 1987 matlamatnya adalah 30,000 hektar.

Bagi tahun 1988 matlamatnya adalah 40,000 hektar dan bagi tahun 1989 matlamatnya adalah 10,000 hektar. Jumlahnya ialah 110,000 hektar.

Mengikut peruntukan Rancangan Malaysia Kelima yang telah diluluskan kepada FELCRA, FELCRA dijadul melaksanakan kawasan seluas 110,000 hektar dalam tempoh lima tahun. Berdasarkan aturcara pelaksanaannya ia mampu melaksanakan matlamat itu dalam tempoh tiga

tahun iaitu 1986 sehingga 1988.

Bagi tahun 1989 daa 1990, FELCRA akan memohon kepada Kerajaan supaya peruntukan kewangan ditambah agar lebih banyak lagi kawasan boleh dimajukan selain daripada 10,000 hektar yang telah diper-setujui pada tahun 1989. Bagi tahun 1986, adalah dijangka penca-paiannya melebihi matlamatnya. Sehingga bulan Oktober, 1986 kawasan seluas 25,768 hektar sedang dalam peringkat pemulihan dan beberapa kawasan lain lagi dalam proses pemberian tender.

Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas adalah tidak benar bahawa kegiatan yang dilaksanakan oleh FELCRA, satu agensi di bawah Kementerian yang ditugaskan untuk melaksanakan usaha pemulihan tanah terbiar yang termasuk tanah sawah terbiar yang boleh lagi diteruskan dengan tanaman padi, dikatakan terlalu lembab malah prestasinya berdasarkan belanjawan tahunan yang diluluskan kepadanya adalah amat baik sekali.

Berkenaan dengan dakwaan yang menyatakan bahawa penerangan-penerangan yang berkait dengannya tidak menyeluruh adalah juga tidak tepat. Adalah dimaklumkan bahawa penerangan-penerangan yang diberi adalah kepada kumpulan dan kawasan sasaran sebagaimana yang telah dirancang dan telah mendapat kelulusan berdasarkan peruntukan kewangan yang telah diberi dari setahun ke setahun. Misalnya, dalam tahun 1986 ini sebanyak 30,000 hektar tanah terbiar telah diluluskan. Maks penerangan-penerangan yang diberi adalah kepada penduduk ataupun mengenai tanah dalam kawasan-kawasan ini sahaja.

MENUNAIKAN FARDHU HAJI

14. **Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim** minta Perdana Menteri. menyatakan benarkah Kerajaan Saudi Arabia akan mensyaratkan kepada orang-orang yang telah menunaikan fardhu Haji tidak digalakkan menunai Haji lagi kecuali selepas 5 tahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Dato' Abdul Ajib bin Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dari maklumat yang diterima oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji melalui Kedutaan Besar Malaysia di Riyadh, syarat tersebut dikenakan kepada pekerja asing, dengan izin, expatriates, yang berkhidmat di Arab Saudi. Di samping itu, warganegara Arab Saudi juga telah dinasihatkan oleh Kerajaan supaya menunaikan fardhu haji hanya sekali dalam tiap-tiap lima tahun.

PROTON SAGA - PENGELUARAN/JUALAN

15. **Tuan A. Shaik Dawood** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan pengeluaran dan jualan kereta nasional Proton Saga.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas hati dengan pengeluaran dan jualan kereta nasional Proton Saga yang telah dicapai sehingga ini. Walaupun negara sedang menghadapi kemelesetan ekonomi, namun jumlah kereta yang telah dikeluarkan dan dijual pada tahun pertama pengeluarannya adalah memuaskan, bahkan penjualannya telah melebihi jangkaan yang dibuat dalam kajian kemungkinan projek ini dahulu. Pencapaian pengeluaran adalah juga memuaskan dan telah mencapai segala matlamat yang dirancangkan, sama ada dari segi produktiviti, kadar pengeluaran dan mutu keluaran. Taraf ini adalah setanding dengan apa yang dicapai oleh pengeluar-pengeluar kereta yang lain.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan kereta-kereta bercorak commercial selain daripada kereta-kereta saloon, dengan izin, yang telah pun mendapat pasaran yang baik di kalangan penduduk-penduduk tempatan?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita keluar-kan pada masa ini adalah merupakan passenger car, dengan izin, iaitu dengan kuasa 1,300 c.c. dan 1,500 c.c. sahaja. Oleh kerana pencapaian ini masih lagi dalam peringkat yang awal kita tidak ada cadangan untuk mengeluarkan kereta komersial pada masa ini.

Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan sahaja. Oleh kerana memandangkan sambutan begitu baik mengenai dengan kereta Proton Saga di dalam dan di luar negeri, tidakkah pihak Kerajaan bercadang hendak mengadakan ataupun mewujudkan 'Motosaga', kerana orang yang bergaji kecil, kegunaan di ladang-ladang, penoreh-penoreh getah, petani-petani di estet-estet, pe-ladang, orang perempuan pun boleh memakai 'Motosaga'. Ubahlah sedikit, jadi bukan sahaja kita mampu beli kereta Proton Saga kita pun ada Motosikal Saga. Tidakkah Kerajaan bercadang hendak membuat motosikal?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu cadangan yang baik dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, HICOM adalah mempunyai satu anak syarikat yang sekarang ini sedang membuat spare parts untuk motosikal ataupun apa yang dimaksudkan itu [Ketawa]. Insya Allah, sekiranya prestasi Proton Saga ini yang telah dianjurkan pada permulaannya mendapat sokongan daripada rakyat dan prestasi akan mencapai sebagaimana yang telah dianjurkan pada mulanya kita akan meluaskan bidang ini sebagaimana yang telah di-cadangkan ini, tetapi sementara ini kita hanya mengeluarkan Proton Saga sebagaimana yang kita telah adakan pada masa ini.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sudahkah kereta nasional ini menjengah keluar ke pasaran dunia? Kalau sudah, negara mana dan berapa banyak pesanan yang telah dibuat?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita telah menerima sebanyak 103 pertanyaan atau pertanyaan daripada 103 syarikat daripada luar negeri yang berjumlah 35 buah negara kesemuanya dan sampai sebarang ini kita telah mendapat satu tempahan sebanyak 25 buah daripada negara Bangladesh. Banyak lagi pertanyaan-pertanyaan yang lain dan banyak juga kereta-kereta Proton Saga yang telah kita hantar ke luar negeri untuk percubaan.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat: Menteri. Pertanyaan daripada 35 buah negara ini sudah lama saya dengar dalam Dewan ini dan Menteri yang dahulu pun sudah jawab begini. Jadi, kenapa tidak beli-beli, tidak jadi belikah atau mereka tengok kereta kita ini tidak standardkah atau macam mana? Minta penjelasan.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, kereta kita ini memang setanding dengan kereta yang lain. Nampaknya apa yang kita menghadapi sekarang ini iaitu ekonomi meleset, begitu juga dengan negara-negara yang lain. Itulah sebabnya.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar rumours atau khabar angin yang kita dengar mengatakan bahawa Proton Saga kita dihantar ke United Kingdom setelah diuji di sana didapati tidak mendapat imbalan yang sesuai dan telah dipulangkan balik ke negara kita kerana kualitinya yang tidak begitu setara dengan pengeluaran daripada negara yang berkenaan. Apakah rumours ini untuk menjatuhkan nama baik Kerajaan atau perkara ini benar berlaku?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, itu merupakan rumours sahaja. Tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah soalan tambahan berkenaan dengan Proton Saga.

DOKTOR MELETAKKAN JAWATAN

16 **Tuan Ng Ah Poi** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa ramai-
kah doktor-doktor yang telah meletak jawatan dalam tahun 1984 dan
1985, dan apakah sebab mereka berbuat demikian dan apakah langkah-
langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah **ini**.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis; Tuan Yang di-Pertua, saya mohon
izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan doktor yang me-
letakkan jawatan adalah seperti berikut:-

1984 - 257 orang

1985 - 243

Perbandingan dengan pengambilan doktor sebanyak 442 orang dan
501 orang dalam tahun-tahun itu. Mereka ini meletakkan jawatan
dengan alasan sebab peribadi, ingin melanjutkan pelajaran atau ingin
membuka klinik persendirian.

Bagi mengurangkan bilangan perletakan jawatan doktor-doktor,
Kementerian Kesihatan telah menyediakan kemudahan perkhidmatan yang
lebih baik seperti berikut:-

- (i) Mewujudkan skim kenalkan pangkat secara oto-
matik ke Tingkatan Kanan selepas berkhidmat
lima tahun dan telah disahkan dalam jawatan.
- (ii) Memberi elaun galakan kepada pegawai yang men-
dapat ijazah lanjutan yang diiktiraf, misalnya
bagi Doktor Tingkatan Biasa yang mempunyai
ijazah lanjutan, elaun adalah seperti
berikut:-

Ijazah lanjutan dalam bidang kesihatan - \$500 sebulan.

Ijazah lanjutan kepakaran dalam bidang

 klinikal - \$600 - \$700 sebulan.

- (iii) Menyediakan peluang-peluang latihan lanjutan kepada doktor melalui biasiswa, cuti belajar bergaji penuh, cuti belajar separuh gaji dan cuti belajar tanpa gaji.
- (iv) Membenarkan doktor-doktor menghadiri seminar atau kursus pendek yang dianjurkan oleh Persatuan profesional bagi meningkat pengetahuan dan kemahiran.
- (v) Memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan rehat di tempat-tempat kerja doktor-doktor dan mengemaskinikan peraturan-peraturan bagi masa kelepasan mereka dan sebagainya.

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, tiga syarat diberi keutamaan biasiswa. Yang pertama menyambungkan pelajaran dengan bergaji penuh; kedua, separuh; dan ketiganya tidak ada gaji.

Cara mana dan taraf bagaimanakah doktor-doktor itu dipilih? Kemudian tambahan, doktor-doktor tambahan bagi menampung kekurangan itu dari negara manakah yang ramai datangnya yang kita ambil?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kita memilih berdasarkan kepada banyak faktor, bukan hanya satu faktor sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Jadi pertimbangan itu diberi oleh pihak Kementerian Kesihatan berasaskan apa yang difikirkan oleh Kementerian wajar dan sesuai untuk diambil sebagai doktor dan diberi gaji ataupun elaun sebagaimana yang disebutkan tadi.

Mengenai dari mana negeri-negeri yang paling ramai dipinjamkan doktor untuk menampung keperluan ini, saya mohon notis kerana tiada ungka dengan saya.

PULAU LANGKAWI - KEMAJUAN PELANCONGAN

17. **Tuan Bee Yang Sek** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:-

- (a) setakat manakah kemajuan telah dicapai oleh Kerajaan dalam mengembangkan pelancongan di Pulau Langkawi, Kedah;
- (b) bilangan pelancong yang telah mengunjungi Pulau Langkawi itu;
- (c) apakah strategi yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengindahkan keadaan semula jadi di Pulau Langkawi;
- (d) adakah Kerajaan menimbangkan cadangan menubuhkan "Casino" di Pulau Langkawi; dan
- (e) secara amnya, apakah strategi dan dasar yang diambil dan dilaksanakan untuk memajukan industri pelancongan negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato Kok Wee

Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan soalan (a) dan (b), industri pelancongan di Pulau Langkawi telah menunjukkan kemajuan dari segi bertambahnya jumlah pelancong dan bertambahnya kemudahan-kemudahan pelancongan di Pulau tersebut. Mengikut rekod Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, jumlah pelancong yang melawat Pulau Langkawi dari tahun 1980 hingga 1985 adalah seperti berikut:-

Tahun	Pelancong Tempatan	Pelancong Antarabangsa	Jumlah
1980	13,044	5,613	18,657
1981	13,586	5,712	19,298
1982	11,968	5,368	17,454
1983	15,528	5,208	20,736
1984	24,656	5,205	29,861
1985	27,194	5,758	32,953

(c) Untuk mengindahkan keadaan alam semula jadi di Pulau Langkawi, beberapa langkah telah diambil bagi mengadakan satu program pengindahan di Pulau Langkawi. Peringkat pertama projek ini telahpun dilaksanakan.

(d) Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan, dengan izin 'Casino' di Pulau Langkawi.

(e) Dasar dan strategi pelancongan negara adalah berasaskan kepada dua objektif utama:-

- (i) membangunkan sebuah industri pelancongan yang sihat, menarik dan sesuai dengan kehendak para pelancong; dan
- (ii) memasarkan negara ini sebagai sebuah destinasi pelancongan yang terkemuka di rantau ini.

Dalam membangun industri pelancongan negara, tumpuan adalah diberikan kepada tiga kegiatan seperti berikut:-

- (i) merancang pembangunan kemudahan-kemudahan pelancongan yang viable, dengan izin, dan bersesuaian dengan permintaan para pelancong;
- (ii) menyelaras aktiviti-aktiviti pelancongan yang dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak swasta untuk menentukan kemudahan-kemudahan pelancongan ini adalah dalam keadaan yang sempurna, menarik dan dipertingkatkan dari segi kebersihan dan pemeliharaan di peringkat tempatan daerah; dan
- (iii) membantu pertumbuhan industri pelancongan dengan menyediakan galakan-galakan dan bantuan-bantuan dari segi kewangan seperti penubuhan tabung pelaburan baru atau, dengan izin, new investment fund, yang berjumlah

\$1,000 juta dan galakan-galakan atau insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan yang menggalakkan pelaburan untuk pembinaan kemudahan-kemudahan penginapan dan projek-projek pelancongan.

Dari segi pemasaran pula, langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk menentukan aktiviti-aktiviti pemasaran dilaksanakan hanya di pasaran-pasaran tertentu yang dikenalpasti mempunyai potensi menambahkan jumlah pelancong ke negara ini berdasarkan kepada faktor-faktor seperti kemudahan perjalanan (accessibility), ekonomi yang kukuh dan pertukaran wang asing yang stabil.

Dari segi ini, pasaran yang diberi keutamaan adalah seperti negara Jepun, Australia, United Kingdom, Germany, Amerika Syarikat dan pasaran-pasaran dari negara-negara ASEAN, Hongkong dan Taiwan.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari perangkaan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi jelas kelihatan bahawa jumlah pelancong luar negeri yang melancong ke Pulau Langkawi tidaklah begitu berbeza sangat bilangannya dari tahun 1980 sehingga ke tahun 1985. Walhal segala pembangunan dari segi galakan pelancongan yang dilakukan di Langkawi adalah bermatlamat untuk memperbanyakkan lagi kedatangan pelancong-pelancong luar negeri, umpamanya seperti pembinaan landasan kapal terbang ataupun memperbesarkan lapangan terbang dan sebagainya. Jadi apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini dan harus saya bertanya juga mengapakah keadaan yang sedemikian ini berlaku?

Soalan tambahan yang kedua ialah daripada perangkaan itu juga menunjukkan jumlah pelancong dalam negeri yang kelihatan begitu banyak sekali bertambahnya bilangan yang datang ke Langkawi. Jadi kemudahan-kemudahan dari segi perbelanjaan dan sebagainya saya kira tidak seimbang dengan jumlah bilangan pelancong yang datang itu. Saya ingin mendapat penjelasan kalau boleh.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan soalan yang pertama, saya tak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, kerana pelancongan adalah satu industri yang mana kita mesti mengambil kira pelancong tempatan dan pelancong antarabangsa. Perbezaan jumlahnya pelancong tempatan dan antarabangsa dalam tahun 1980 dan 1985 adalah besar iaitu pada tahun 1980 para pelancong berjumlah 18,657 manakala pada tahun 1985 jumlahnya ialah 32,953 orang. Itulah satu perbezaan yang besar. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang Kerajaan kita telahpun mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan bilangan lawatan ke Pulau Langkawi kerana pada masa kini di Pulau Langkawi tidak ada pemandangan-pemandangan yang menarik seperti bukit atau beberapa tempat lain sebagaimana terdapat di negara jiran. Tetapi sekarang kita ada satu rancangan untuk membina chalets sebagai salah satu accomodation, dengan izin, yang murah.

Kerajaan kita berharap apabila chalets itu siap, ia akan dapat menarik lebih ramai pelancong-pelancong dari dalam negara kita ini dan juga pelancong-pelancong dari negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 21 adalah diberi di Lampiran "A"].

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**3.49 ptg.**

Aturan Urusan Mesyuarat: dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh". (1hb Disember, 1986).

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Ahmad, sila sambung.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas keizinan bagi saya menyambung ucapan yang telah saya mulakan pada petang semalam di dalam masalah untuk mengikut sama menyokong bagi menyembah junjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri

Penggal Pertama Parlimen Ketujuh pada 7hb Oktober, tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Dewan ini adalah satu di antara dua Dewan yang berdaulat. Memang Dewan ini akan menjalankan tugas-tugas khusus, terutama bagi menapis, mengkaji, meneliti, menghalusi segala keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Dewan Rakyat bagi diputuskan, menerima atau sebaliknya untuk dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong agar menjadi satu perundangan yang berdaulat dan diwajibkan untuk dipatuhi oleh setiap rakyat, khususnya di dalam negara ini, lebih-lebih lagi kepada rakyat yang mengakui taatsetia yang tidak berbelah bahagi kepada kedaulatan negara ini.

Sayangnya ada orang yang tahu di dalam tidak tahu. Kebetulan-nya ahli politik di negara ini boleh menganggap Dewan ini sebagai tong sampah. Kalau Dewan ini dianggap sebagai tong sampah, walaupun saya tidak menerimanya sekali-kali, ertinya kami semua ialah orang yang ditugaskan setelah dipilih daripada berbelas juta rakyat negara ini untuk mengkaji keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh ahli-ahli dalam Dewan Rakyat. Apakah keputusan-keputusan ini boleh dianggap sebagai sampah? Atau adakah anggapan sampah daripada keputusan ini kerana adanya Ahli-ahli Dewan yang datang daripada ahli-ahli politik sampah?

Ini yang membimbangkan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau di Dewan sana sudah diisi oleh ahli-ahli politik sampah, apatah lagi ahli-ahli politik ini yang terdiri daripada bapak politik sampah atau anak politik sampah, barangkali kerana adanya anak dan bapak politik sampah ini yang mendorong keputusan-keputusan yang berdaulat yang dibuat oleh Dewan Rakyat sehingga boleh dianggap sampah. Saya bimbang, kita ini terus-menerus dibiarkan, ahli-ahli politik sampah akan mengisi Dewan-dewan yang berdaulat ini. Saya bimbang, kerana ahli-ahli politik ini yang akan menentukan segala perundangan yang

akan dilaksanakan, apakala menguatkuasakan negara ini, tambah-tambah lagi kalau anak politik sampah. Kalau bapak politik sampah barang-kali masanya sudah tidak lama untuk ia berada di dalam Dewan, tetapi kalau anak politik sampah, anak politik sampah ini susah diajar, tidak makan ajar, apatah lagi kalau kurang diajar.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya tetap tidak menganggap Dewan ini sebagai tong sampah, kerana Dewan ini tetap berdaulat dan mulia, sebab itulah harapan yang begitu tinggi telah dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Dewan **ini**, dengan memberi ingat kepada Ahli-ahli Dewan Menjunjung Titah Perintah Seri Paduka Baginda inilah mendorong saya untuk mengambil bahagian sama di dalam membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Tuanku **ini**. Terang dan jelas, walaupun pendek, di dalam Titah Ucapan ini, Kebawah Duli amat menginsafi bahawa demokrasi yang di-amalkan di negara kita ini boleh dipertahankan, dipelihara untuk terus diamalkan hasil daripada keamanan, kestabilan politik, hasil daripada perpaduan ummah yang berbagai bangsa keturunan asal di negara kita **ini**. Hasil daripada perpaduan inilah, inspirasi daripada inilah, maka dengan jelas Seri Paduka Baginda Yang di-pertuan Agong telah menyatakan di dalam Titahnya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk saya menyebut kembali Titah Tuanku: "Amalan demokrasi berparlimen telah sebati dengan rakyat. Kebebasan asasi seseorang dijamin oleh perlembagaan dan dilindungi oleh sistem perundangan yang adil. Oleh itu, sistem demokrasi ini mestilah sentiasa dipelihara dan dipertahankan."

Untuk mempertahankan inilah, pelaksanaan sesuatu dasar itu boleh diubahsuai mengikut keadaan semasa untuk pencapaian matlamat perpaduan negara. Ertinya soal perpaduan adalah soal penting untuk melahirkan perpaduan ini banyak cara yang telah dibuat oleh Kerajaan kita, oleh pemimpin kita dan oleh Dewan ini sendiri. Di dalam

Dewan ini ada berbagai-bagai rupa Ahli, tetapi kita melahirkan sikap perpaduan, sesuai dengan dasar Kerajaan:"Kepimpinan Melalui Teladan".

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menyentuh soal Dewan ini dahulu. Saya tertarik tatkala perasmian Dewan pada 7hb, Ahli-ahli Dewan datang dengan pakaian yang lengkap. Setengah-setengahnya memakai uniform, walaupun setengahnya tidak tetapi lengkap dengan bersongkok untuk membuktikan penghormatan kepada Dewan yang mulia **ini**, lebih-lebih lagi kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

Saya lihat hanya sesuai dan tertib. Tetapi apakah saya balik ke rumah saya lihat TV, rupa-rupanya ada yang tak lengkap. Saya lihat hari itu ada yang tak memakai songkok dan di dalam Dewan semasa doa dibaca, saya pohon izin untuk mengulangi apa yang pernah dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri dalam Titah Ucapan yang lalu dan saya pun pernah bangkit dalam Dewan ini tatkala doa dibaca, ada orang tak mengangkat tangan, seolah-olah tidak memersetujui doa yang dibaca. Yang tak angkat tangan satu fasal, di saat orang membaca doa ada pula ahli yang membelek-belek kertas, seolah-olah semasa doa itu langsung ianya tidak terlibat. Saya menyokong Titah Tuanku di dalam ucapan yang lalu. Apa salahnya kalau kita semua mengangkat tangan? Tak rosak akidah dan agama seseorang itu bagi memersetujui doa untuk diberkati di dalam Dewan ini kita minta dengan Tuhan di dalam negara kita ini sebagai sebuah negara yang beragama walaupun berbagai-bagai agama ada, apa salahnya minta dengan Tuhan. Masing-masing minta dengan Tuhan masing-masing, saya rasa tak ada apa salahnya. Kalau seorang bukan Islam menadah tangan, dia tak akan menjadi Islam kerana dia tadah tangan. Kalau dia bukan seorang Melayu, dia menadah tangan tak akan menjadi Melayu kalau kerana tadah tangan. Tetapi saya rasa tadah tangan meminta adalah satu daripada tata susila kita sebagai manusia kepada Tuhan kita, bahkan kita meminta sesama kita pun kita tadah tangan. Mintakan kertas itu, kita tadah tangan, takkanlah kita hendak kata mintakan kertas itu, tak mungkin. Saya rasa tidak menjadi satu kesalahan,

Sebab itu apalah kiranya kalau boleh diselaraskan Ahli-ahli

Dewan ini untuk memuliakan segala masalah di Dewan ini iaitu ketika membaca doa semua ahli bertadah tangan kerana kita memohon restu - Barangkali orang Islam kepada Allahnya, orang-orang yang bukan Islam kepada Tuhannya sebab negara kita ini sebuah negara yang beragama.

Saya semalam tak memakai songkok, Tuan Yang di-Pertua, tetapi apakala saya lihat Tuan Yang di-Pertua pakai songkok, saya lihat Yang Berhormat Ustaz Shaharom pakai songkok, lebih cantik. Maaf saya, Tuan Yang di-Pertua pakai songkok macam Seniman Romai Nor, saya nampak. Apa lagi kalau Abang Ahmad Urai tak ubah seperti Rahim Razali, kalau senimannya, tetapi Tuan Yang di-Pertua tetap Yang di-Pertua Dewan. Yang Berhormat Datuk Abang Ahmad Urai tetap Timbalan Yang di-Pertua Dewan, tidak akan menjadi Rahim Razali. Sebab itu hari ini saya pun ikut pakai songkok. Saya rasa kalau semua ahli memakai songkok sejajar dengan kemuliaan Dewan ini, tidaklah jadi sama sahaja pakaian kita semasa dekat Coffee House di Merlin atau Coffee House di Shangai-La kita pakai begini, tetapi apakala kita datang ke Dewan ini memakai songkok, ertinya kita memberi penghormatan kepada Dewan ini.

Dan lagi saya rasa songkok ini telah menjadi satu pakaian rasmi dengan secara tak langsung kepada kita di Malaysia ini. Saya pernah membawa rombongan-rombongan daripada Malaysia ke luar negeri. Satu hari saudara Arumugam, penjaga gol Pasukan Bola Sepak Malaysia pakai songkok. Apabila kami sampai ke dalam satu lapangan terbang ter-serempak dengan rombongan daripada India. Orang-orang India tak pakai songkok. Orang nampak saudara Arumugam lebih kurang sahaja dengan orang-orang India, hitam pun sama hitam, tetapi hati kecil saya berkata hitam orang-orang rombongan India itu hitam India, tetapi hitam saudara Arumugam ini ialah hitam Malaysia. Saya pun

hitam juga, tetapi kalau hitam Malaysia ini orang kata hitam manis. Dan ini terbukti pentingnya, ada untungnya kalau kita memakai songkok. Saya sekali ke luar negeri bersama-sama dengan delegasi Malaysia, semasa duduk di satu meja minum, saya letakkan songkok di bawah, datang kawan ini cakap bahasa Tamil dengan saya. Saya hendak kata saya tak erti, barangkali dia nampak rupa saya ada imbas-imbas orang dia, tetapi apakala saya mengambil songkok letak atas kepala, baru dia tanya saya, daripada Malaysia? Saya mengangguk, dia minta maaf. Jadi sebab itulah saya rasa songkok ini ialah satu penghormatan.

Jadi sejajar kalau kita Ahli-ahli Dewan semua memakai songkok kerana dengan letaknya songkok tak berubah sesuatu keturunan itu. Orang Melayu memakai songkok tak akan menjadi orang lain kerana songkok inipun bukan berasal daripada kepunyaan Melayu. Setengah orang mengatakan songkok ini daripada Parsi, setengah orang mengatakan songkok ini daripada China, setengah orang berkata songkok ini daripada India. Jadi untuk ubahsuai kepada kita, kita lahirkan songkok ini.

Sebab itu saya mencadangkan kalau boleh kedua-dua Dewan ini Ahli-ahlinya biarlah bersongkok kerana tak cacat. Semasa pakai uniform saya tengok Yang Berhormat Dato' Samy Vellu pun pakai songkok, Yang Berhormat Menteri-menteri lain pun pakai songkok, tak cacat, tak ada apa rosaknya. Dengan ini saya percaya mudah-mudahan tidak lagi mendorong orang menganggapkan Dewan kita ini sebagai tong sampah.

Menyentuh kepada soal perpaduan, Tuan Yang di-Pertua, yang merupai satu alat yang maha besar dan maha berharga bagi negara kita ini untuk melahirkan sebuah negara yang stabil dan makmur. Kita sudah mencapai kemerdekaan hampir 30 tahun. Kita sedar masyarakat

dalam negara kita ini majmuk, ada berbagai-bagai keturunan kononnya. Walau bagaimanapun kita adalah bangsa Malaysia. Pada Hari kemerdekaan kita, kita simbolkan dengan cogan kata Nasionalisme Malaysia, kita adalah bangsa Malaysia. Yang putih pun bangsa Malaysia, yang gelap pun bangsa Malaysia, yang kelabu asap macam saya pun bangsa Malaysia, kita bangsa Malaysia. Kalau kita sudah bangsa Malaysia, saya rasa soal perkara-perkara yang didakwa sebagai sensitif kepada sesuatu kaum seharusnya tidak timbul lagi.

Saya ambil satu contoh, Tuan Yang di-Pertua. Di zaman kita belum mencapai kemerdekaan, di zaman penjajah, sama ada penjajah British, penjajah Belanda, penjajah Portugis memerintah, khususnya di Negeri Melaka, orang-orang di Melaka ada masyarakat yang dinamakan golongan Nyonya dan Baba Melaka. Mereka tidak mendakwa mereka daripada golongan orang-orang Cina. Ada keturunan Ceti, mereka tidak menyebut mereka adalah orang-orang India. Ada keturunan Bendahara, ada keturunan Temenggong, ada keturunan Demang, tetapi mereka semua adalah rakyat Melaka. Ini di zaman penjajah.

Kita sudah mencapai kemerdekaan. Setelah kita mencapai kemerdekaan, lahir kembali sifat-sifat yang akan melahirkan pula perasaan sensitif di antara kita. Ada orang yang menganggap dia keturunan Melayu, ada orang yang menganggap dia keturunan Tionghua, ada orang yang menganggap dia keturunan India wal hal kita adalah Malaysia. Kita berlandaskan nasionalisme Malaysia. Kita di bawah satu panji-panji, dibawa oleh satu Lagu Kebangsaan, ibu pertiwi kita bumi Malaysia. Sebab itulah bahasa ibunda kita hendaklah bahasa ibu pertiwi.

Saya menyentuh balik soalan yang saya kemukakan semalam supaya agar tidak disalahertikan apakala saya kemukakan soal bahasa ibu

pertiwi. Memang jawapan yang telah diberi oleh Menteri Pelajaran juga tidak silap daripada apa maksudnya, cuma barangkali boleh disilap tafsirkan. Bahasa ibunda bagi rakyat Malaysia ialah Bahasa Malaysia kerana bumi Malaysia ini ialah ibu pertiwi kepada setiap rakyat Malaysia, melainkan ada golongan-golongan yang tidak mahu mengakui bumi Malaysia ini sebagai ibu pertiwinya.

Barangkali golongan itu mempunyai bahasa ibunda yang berasingan. Memang tujuan saya ini bukan saya menentang dalam soal banyaknya bahasa dipergunakan. Saya bersetuju. Kalau boleh bukan sahaja satu dua bahasa diperkembangkan dalam negara kita ini, bukan sahaja Bahasa Kebangsaan kita, bukan sahaja bahasa Inggeris, bukan sahaja bahasa Cina, bukan sahaja bahasa Tamil yang harus diperkembangkan dalam negara kita ini, bahkan banyak lagi, bahasa German, bahasa Prancis, bahasa Arab, kalau boleh bahasa Tagalog pun, bahasa yang digunakan oleh Red Indians pun, kalau boleh diperkembangkan. Semua bahasa dalam dunia ini boleh dilahirkan oleh orang-orang yang memahami perpaduan negara kita ini. Ini lebih baik. Saya tidak menentang dalam soal perkembangan bahasa, cuma saya hendak menegaskan soal bahasa ibunda. Soal menyokong pendapat saudara Menteri Pelajaran, bahasa ibunda bagi rakyat Malaysia satu, iaitu Bahasa Malaysia.

Barangkali kerana kelemahan-kelemahan kita inilah yang menyebabkan soal perpaduan ummah ini tidak terlaksana dengan ertikata yang sebenar sehingga menyebabkan sekarang ini masih dipergunakan - soal orang asing, orang mendatang, orang tempatan dan sebagainya. Barangkali kerana pelaksanaan yang ada pada kita ini ada kelemahan-kelemahan yang tertentu pada kita. Jika menyedari hakikat ini, saya rasa kita perlu bertindak dengan segera agar kelemahan-kelemahan ini boleh diperkuatkan agar hasil-hasil kelemahan yang menimbulkan masalah-masalah ini dapat dibasmi.

Menyentuh dalam soal untuk menyatupadukan umat, memang banyak perkara yang telah kita buat. Selain daripada soal Dasar Pelajaran, soal untuk memperkembangkan bahasa, mempergunakan satu bahasa, memang bagi pihak Kerajaan sudah begitu lumrah mengadakan dasar-dasar ini. Tetapi janganlah mengharapkan Kerajaan sahaja, tidak

cukup. Yang penting penglibatan seluruh rakyat terutama golongan-golongan yang tertentu. Saya tertarik kepada satu masalah iaitu dalam soal untuk memperlebar soal kegunaan Bahasa Kebangsaan. Saya pernah ke negara-negara Timur Tengah, pernah menginap di hotel-hotel yang agak terkemuka, pagi-pagi dia menghantar suratkhobar ke dalam bilik kita, suratkhobar ini dalam bahasa Arab, dia tahu saya tidak tahu bahasa Arab, tetapi dia hantar juga suratkhobar berbahasa Arab. Ada juga suratkhobar lain, apabila kita minta ataupun barangkali dia sudah begitu memahami kita tidak mengetahui bahawa Arab, dia hantarnya juga suratkhobar bahasa lain.

Sama juga kalau kita ke Thailand, dia hantar kita surat khabar bahasa Thai. Tetapi dalam negara kita, tidak. Kita cakap soal hendak memperkembangkan soal bahasa, hendak memperluaskan soal kegunaan bahasa, pergilah duduk di hotel mana-manapun, bangun pagi kita lihat suratkhobar berbahasa orang puteh, Tiada suratkhobar dari kumpulan Utusan Melayukah, Utusan Malaysiakah, Berita Hariankah, Watankah, Harian Kotakah, Tanah Airkah, Merdeka kah - tidak ada. Ini menunjukkan golongan ini masih belum lengkap pelaksanaan untuk menyokong kegunaan Bahasa Kerbangsaan.

Saya berharap golongan-golongan ini menyahut seruan Kerajaan untuk mempergunakan dengan begitu luas, soal bahasa. Mudah-mudahan lain kali Ahli-ahli Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Rakyat, Menteri-menteri dan sesiapa sahaja yang akan menginap di hotel-hotel kita dapatlah kita lihat suratkhobar-suratkhobar daripada bahasa kita sama ada daripada kumpulan Urusan Melayu, daripada kumpulan The New Straits Times, Berita Harian, ataupun suratkhobar-surat khabar yang lain seperti Watan dan sebagainya. Bukan sahaja hotel, tadi Menteri kita menjawab soal perkembangan Tourist Industry di negara kita ini. Naik kapal terbang MAS pun, dalam kapal terbang MAS saya meng-

akui dari segi layanannya kita adalah lebih baik daripada syarikat-syarikat penerbangan yang lain kalau hendak dibanding, tetapi sayang, saya sendiri kena beberapa kali, apakala minta sahaja surat-khabar Utusan Melayu, Utusan Malaysia, Berita Harian, apatah lagi kalau minta Watan, minta Hatian Kota ataupun Tanah Air, jawabnya sudah habis. Saya tanya fasal apa habis? Dia kata semua orang ambil. Kalau sudah tahu orang yang naik kapalterbang itu biasa mengambil surat-khabar itu, barangkali ini satu daya penggalakan, banyakkannya surat-khabar itu, mudah-mudahan kerana orang hendakkan surat-khabar free, dia boleh naik lagi kapalterbang. Ini tidak. Yang anehnya, Economic Review ada, Asia Week tidak ada, walhal kita pun banyak magazines. Kita ada Mastika, kita ada Qiblat, kita ada Wanita, tetapi tidak diisi. Sebab itu saya harap di samping hendak mengadakan majalah-majalah yang lain, surat-khabar-surat-khabar yang lain, saya tidak menghalang hendak mengadakan itu, yang kepunyaan kita juga perlu diadakan di dalam pesawat-pesawat penerbangan.

Kita banyak pula aktiviti-aktiviti lain hendak menyatupadukan ummah, terutama dalam soal hendak menyatukan kebudayaan, sehingga kita sudah berapa lama mengusahakan untuk melahirkan satu kebudayaan nasional, Berbagai-bagai cara hendak diterapkan, hendak melahirkan satu garis kebudayaan nasional untuk melahirkan wajah masyarakat Malaysia ini, tetapi sampai sekarang, kalau tarian singa, golongan-golongan yang menari tarian singa itulah sejak dari dahulu sampai sekarang, walhal apa salahnya orang Melayu pun boleh terlibat dengan tarian singa itu. Demikian juga kalau main kompang, Tetapi yang peliknya, Menteri-menteri kita, walaupun barangkali mereka tidak daripada orang Melayu, apabila disambut dengan kompang meriah, ataupun orang Melayu disambut dengan tarian singa juga meriah. Apa salahnya kalau benar-benar soal kebudayaan nasional ini dapat ditonjolkan bagi dipergunakan oleh kita di Malaysia ini. Barangkali

oleh sebab kelemahan-kelemahan ini yang menyebabkan sehingga soal perpaduan ini menjadi lembab kepada kita sehingga sekarang ini. Apatah lagi sekarang ini ramai artis-artis daripada luar negeri datang ke Malaysia ini menyanyi, menari dan sebagainya.

Saya pernah terserempak dalam satu majlis jamuan di sebuah hotel terkemuka di negara kita **ini**. Malam itu panatianya telah menghiburkan ahli-ahli majlis dengan nyanyian-nyanyian. Diisytiharkannya, seorang artis daripada Taiwan akan menghiburkan sidang hadirin dengan lagu Melayu. Bertepuklah sidang hadirin sekalian. Maka keluarlah artis dari Taiwan **ini**, Diapun mulalah dengan lenggoknya, pendek kata kalau dilihat pada awalnya pasti showmanshipnya, dengan izin, "persembahannya akan memuaskan hati. Semua bertepuk. Sekejap lagi muzik mula berbunyi, diapun mula menyanyi, Apakala dia mula menyanyi, "dengar satu" katanya. Apabila sebut "satu", orang ramaipun bertepuk. Saya terperanjat kerana apabila penyanyi itu sebut hanya "satu", dia menunjukkan sebanyak sebelah tapak tangan sebagai satu, jadi saya hendak tepuk, tidak jadi. Saya takut kalau macam ini dibiarkan, rosaklah nanti istilah dan pengertian bahasa. Takkan sebanyak sebelah tapak tangan ini "satu"? Hanya "satu", jadi saya kata macam mana, sepatutnya dia kata hanya "lima". Ini akibat kita membiarkan orang-orang asing.

Demikian pula, sudahlah persembahannya begitu sampai taksubnya dia, perasaan benar-benar persembahan ini sampai ke hati nuraninya, sudahlah "satu" ditunjukkan "lima", apakala dia sebut "...hati hancur menjadi debu", dia angkat tangan macam penumbuk, jadi rosaklah.

Mengapalah kita biarkan artis-artis daripada luar negeri ini mengisi keadaan-keadaan yaag seperti **ini**, walhal tidak kurang artis-artis dari tanahair kita. Apa kurangnya Sudirman, apa kurangnya Noorkumalasari, apa kurangnya Latiff Ibrahim, apa kurangnya D.J. Dave dan ramai lagi. Banyak artis-artis kita yang akan menyanyi pasti tidak akan mengatakan "hanya satu"[menunjukkan genggam tangan] begini. Kalau "hanya satu" pasti ditunjuk satu" [menunjuk isyarat satu]. Tidak akan begini.

Jadi saya harap ini pun akan diambil perhatian oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Saya suka menyentuh soal demokrasi yang telah disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Memang kita berbangga dengan sikap demokrasi yang ada dalam negara kita. Tetapi kita jangan lupa, Tuan Yang di-Pertua, demokrasi ini hendaklah ala kita. Kita tidak boleh hendak ikut dengan keadaan orang lain kerana bukan semua yang baik kepada orang lain itu baik kepada kita. Tidak mestinya begitu. Demokrasi di dalam negara kita ini hendaklah berlandaskan kepada ala kita; kalau kita betul-betul sayang kepada sikap demokrasi ini, dasar demokrasi ini. Saya hendak ulang sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan **ini**, dengan izin, apakah kerana sikap terlampau liberalnya Kerajaan kita sehingga menyebabkan demokrasi dalam negara kita ini sudah diambil kesempatan oleh golongan-golongan yang tertentu.

Memang hasil dari demokrasi kita ini rakyat telah memilih ahli Parlimen, rakyat telah memilih Kerajaan, rakyat telah memilih parti Pembangkang. Ahli Partimen akan memperbincangkan dengan semasak-masaknya sesuatu fasal demi kepentingan rakyat. Parti Pembangkang

akan menegur dengan sebaiknya demi kepentingan rakyat. Tetapi takkanlah apakala menjadi parti Pembangkang semua benda yang hendak dibuat itu semua tidak betul. Sehingga, Tuan Yang di-Pertua, maaf saya, saya terperanjat mengikut laporan melalui mass-media, dalam Dewan Rakyat yang begitu mulia pernah terkeluar perkataan-perkataan yang tidak sopan, perkataan-perkataan "biadap", umpananya. Tidak patut perkataan-perkataan seperti ini dikeluarkan di dalam Dewan, Apatah lagi dengan sikap demokrasi yang ada dalam negara kita ini diambil pula kesempatan oleh golongan-golongan yang tertentu, berselindung.

Sebab itu, saya amat tertarik hati apa yang di Titahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong supaya kita berwaspada dengan anasir-anasir anti perpaduan ummah dan kestabilan negara kita ini sehingga Tuanku Bertitah. Saya mohon izin, untuk menyebut kembali Titah Tuanku:

"Kita mestilah sentiasa berwaspada terhadap anasir-anasir subversif bawah tanah yang cuba menyusup badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan yang sah dengan menimbulkan isu-isu perkauman dan sebagainya untuk memecah-belahkan dan menimbulkan huruhara."

Saya harap Kerajaan kita sungguh-sungguh mengambil perhatian. Mungkin ada, terutama ahli-ahli politik yang mereka itulah golongan anasir-anasir subversif tetapi menyerap masuk ke dalam badan-badan politik. Mereka akan guna dan akan memecahbelahkan perpaduan ummah. Sebab itulah saya harap keadaan seperti **ini**, sikap liberal yang ada pada Kerajaan ini perlu dikaji semula agar kita mendirikan batas-batas untuk memelihara konsep demokrasi yang kita amalkan di negara ini.

Saya mengingatkan, Tuan Yang di-Pertua, membatasinya lebih baik, lebih senang daripada kita hendak membasminya. Kalau sudah berlaku baru kita hendak membasminya, ini akan menimbulkan masalah kepada kita. Sebab itu saya berharap kepada pihak Kerajaan yang telah terima amanat daripada rakyat menggunakan sepenuh-penuhnya kuasa dengan sebaik-baiknya untuk membatasi supaya jangan membiarkan golongan-golongan tertentu sama ada menyeludup melalui pertubuhan-pertubuhan ataupun lebih-lebih lagi dalam badan-badan politik yang dihalalkan, semata-mata dengan niat untuk memecah-belahkan perpaduan ummah yang dapat kita pelihara selama ini. Jangan dibiarkan! Sebab yang demikian, Kebawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengingatkan sungguh-sungguh kepada kita sehingga Tuanku menitahkan dengan izin:

"Kerajaan kita akan menggunakan segala kuasa, tenaga yang ada padanya untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat"

Kita hendaklah insaf bahawa sekiranya perpaduan tidak wujud, keamanan dan kesetabilan dan kemakmuran yang sama-sama kita nikmati selama lebih suku abad akan hancur-lebur.

Tuanku sendiri hendak guna kuasa dan segala kemampuan yang ada. Sekarang kuasa sudah diberi oleh rakyat kepada kita. Kalau kita tidak guna, salahlah kita, rakyat sudah beri kuasa, kita tidak guna.

Akhirnya, apakala berlaku sesuatu baru kita hendak cari kuasa, baru kita hendak guna kuasa. Tidak boleh! Saya takut, Tuan Yang di-Pertua, sikap liberal yang ada pada Kerajaan ini sudah menjadi keterlaluan liberalnya. Sehingga sampai hendak membawa sesuatu enakmen di dalam Dewan ini, Dewan ini telah diisi oleh semua suara rakyat dalam negara ini, boleh membahaskannya tetapi kita masih

teragak-agak lagi kerana ada satu dua golongan di luar ikut membahaskannya. Memang kita memberi hak asasi dan kebebasan kepada semua rakyat.

Tetapi Dewan ini sudah cukup mewakili rakyat. Saya memberi satu contoh, walaupun perkara itu masih belum di bawa ke Dewan **ini**, tetapi berpandukan kepada laporan-laporan Parlimen dan akhbar, umpamanya soal Akta Rahsia. Sehingga Kerajaan pernah menangguhkan, mengapa? Kita hendak mewujudkan satu akta bagi menjaga kepentingan negara dan rakyat, kerana ada golongan-golongan yang tertentu menyuarakan penentangan, kita sudah menjadi teragak-agak.

Saya rasa tidak patut. Mahu apa pun diperkatakan dibuat. Kerajaan yang diwujudkan sekarang ialah Kerajaan yang sudah diberi mandat oleh rakyat, Kerajaan yang sudah dipilih oleh rakyat. Apa lagi yang diragukannya? Tetapi sehingga sampai kita teragak-agak, mengapa? Sehingga kita boleh diambil kesempatan oleh golongan-golongan tertentu menganggap kita mungkin lemah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh soal Dasar Luar secara ringkas. Memang, kita dihormati dengan sikap dasar luar kita yang baik, terutama sikap dan penglibatan kita dalam ASEAN serta mengekalkan perpaduan ASEAN tetapi apakah hauss kita sahaja? Apakah harus kita sahaja yang hendak memelihara ASEAN, apakah harus kita sahaja yang hendak menjaga hati keluarga ASEAN? Bagaimana orang lain?

Tuan Yang di-Pertua, kita orang Malaysia jangan lupa dengan Peribahasa Malaysia Labu dan kundur hendaklah sama melata, baru penuh sangkarnya. Kalau kundur sahaja mahu melata, labunya tidak, bagaimana?

Saya harap walaupun soal ASEAN ini adalah suatu di antara beberapa perkara yang harus kita dipelihara oleh kita dengan sebaiknya tetapi janganlah kita sahaja.

Memang kita menyokong soal penyelesaian Kampuchea, Afghanistan, soal Palestine dan kita pula begitu berusaha dalam masalah kuasa Selatan-Selatan. Saya hanya sekadar hendak mengingatkan, Tuan Yang di-Pertua, kita ini sebuah Kerajaan dan golongan yang baik, satu bangsa yang baik. Kita kalau sudah menghormati rakan, kita hormat sebagai saudara. Kita mencurahkan segala keikhlasan kita.

Saya takut, Tuan Yang di-Pertua, kalau berlaku seperti apa yang pernah berlaku. Dahulu sepak takraw permainan kita. Kita bersyukur, kita bermegah, kerana sepak takraw telahpun diterima oleh orang-orang lain kerana kita hendak supaya sepak takraw diterima oleh orang lain, kita pun melahirkan kebaikan kita. Kita hantar jurulatih kita melatih orang lain. Akhirnya pasukan sepak takraw kita dikalahkan oleh pasukan orang lain, orang yang kita ajar. Demikian juga soal badminton, kita melahirkan kebaikan kita, kita tolong orang lain. Akhirnya kerana kita hendak menunjuk baik kita dengan orang lain, kita ketinggalan. Saya faham apa yang kita buat ini bukanlah bererti kita melakukan kera di hutan disusui, anak sendiri mati kelaparan, tidak. Tetapi janganlah membiarkan sehingga orang menuduh kita demikian.

Sama juga dalam masalah pengeluaran. Kita dahulu terkenal sebagai pengeluar minyak kelapa sawit di rantau ini. Kita hendak tunjuk baik dengan orang, kita mengajar kawan kita, kita beri segala ilmu kepadanya supaya kalau hendak senang, jangan seorang seorang senang, orang lain pun hendak senang juga. Sudah lepas kita ajar dia, sekarang ini sudah timbul masalah dengan minyak kelapa sawit kita kerana tidak boleh dijual, orang lain jual lebih murah daripada kita. Ini sekadar mengingatkan, bukan hendak menentang, bukan

hendak marah, hendak mengingatkan. Menjaga dengan baiknya pertubuhan-pertubuhan ini menjadi hasrat kita bersama, tetapi jangan perkara-perkara yang sudah menimpa kita akan berulang di atas dasar-dasar yang ada pada kita sekarang **ini**.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh dalam masalah Titah **ini**. Tuanku sendiri sehingga menyampaikan ucapan terima kasih khususnya kepada Pasukan Keamanan dan Tentera kita. Kerana pengorbanan mereka, kita dapat hidup dalam keadaan aman. Negara kita aman, rakyat sejahtera walaupun dunia sedang melanda kemelesetan dan sebagainya. Rakyat semua bersyukur dapat keamanan walaupun sekarang ini kita menghadapi masalah-masalah tertentu sehingga Tuanku juga ada menyebut, dalam masalah pengeluaran daripada negara kita ini tidak setimpal dengan keadaan sehingga menyebabkan kita kekurangan dan keadaan ekonomi kita menghadapi masalah. Dalam keadaan yang seperti **ini**, Kerajaan sedang menyeru supaya kita berusaha mengeluarkan hasil yang berlipat ganda.

Kita dengar banyak himpunan yang diadakan, tetapi malangnya himpunan yang diadakan itu bukan kerana berbincang dalam masalah hendak mempergandakan pengeluaran bagi mengatasi masalah yang sedang dihadapi oleh negara. Himpunan yang ada menyalah tunjuk perasaan mengenai soal gaji tidak naik, hendak tambah gaji. Kita tidak melarang mereka, memang itu hak mereka. Cuma saya minta kesedaran daripada seluruh rakyat di dalam keadaan situasi seperti sekarang ini perlu dipertimbangkan, kalau sudah begitu lumrah supaya berusaha berlipat ganda untuk mengeluarkan pengeluaran yang lebih, biarlah seimbang. Perbincangan mengenai soal pengeluaran dan juga soal habuan. Sama juga baru-baru ini kita dengar apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan soal kenaikan interest kepada pegawai-

pegawai Kerajaan dalam masalah pinjaman perumahan daripada 4% kepada 5% dan 6%, kita ada bising sehingga melahirkan pandangan seolah begitu kejam Kerajaan terhadap pegawai-pegawai Kerajaan. Malahan mereka adalah terdiri daripada machinery Kerajaan dan tidak dapat melaksanakan segala dasar Kerajaan kalau tidak dilaksanakan oleh mereka. Memang kita bersetuju, kalau boleh jangan dinaikkan interest **ini**, hatta kalau boleh dikurangkan lagi. Tetapi dengan keadaan-keadaan sekarang terpaksa Kerajaan mengadakan ini. Apalah salahnya, tetapi sebaliknya kita mendapat tentangan. Kita tidak pernah fikir pegawai Kerajaan dinaikkan interest daripada 4% kepada 5% dan 6%. Orang awam hendak beli rumah kena 14% lebih. Ada setengah sampai 15%, 16% kena, tetapi malang tidak ada siapa yang hendak membela mereka. Pegawai-pegawai Kerajaan yang sudah mendapat saraan hidupnya, apakala naik sedikit, bising.

Saya tidak menentang soal apa yang dibisingkan. Cuma apa yang saya hendak bangkitkan di sini barangkali ada sesuatu kelemahan daripada kita sehingga menyebabkan semangat ketahanan rakyat lebih-lebih lagi daripada golongan pemerintah kurang. Sebab itulah keadaan ini timbul. Semangat ketahanan, semangat kecintaan, semangat tanggungjawab daripada rakyat kepada negara, daripada pekerja kepada majikan iaitu pegawai Kerajaan dengan Kerajaan, barangkali di sini ada kelemahan kita - lemah. Kalau menyedari hakikat ini, saya berharap bagi pihak Kerajaan mengadakan sesuatu langkah bagaimana kita dapat melahirkan bukan sahaja rakyat yang berdisiplin dan mempunyai semangat ketahanan, kecintaan kepada negara tetapi juga kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang mempunyai semangat ketahanan dan cintakan negara, tahu tanggungjawab kepada negara, lebih-lebih lagi di dalam keadaan saat ketika seperti **ini**.

Inilah yang saya hendak sambungkan di dalam masalah ketenteraan yang dititah oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kita berterima kasih kepada mereka, kita hantar telegram, kita hantar surat, kita berucap terima kasih di atas pengorbanan jiwa raga dan nyawa daripada mereka untuk kepentingan kita. Memang perkataan "terima kasih" ini lebih besar nilai kebendaannya. Kalau hendak di-kata \$100,000 atau \$200,000 barangkali tidak ternilai. Perkataan itu lebih bernilai. Apakah cukup setakat itu?

Saya mengambil kesempatan, Tuan Yang di-Pertua, dalam akhbar kelmarin kita lihat Pasukan Tentera kita bukan sahaja mampu memberi keamanan dan kesejahteraan kepada rakyat kita, tetapi kelmarin Persatuan Penerbangan yang lebih ramai dianggotai oleh Pasukan Tentera kita sudah berhasil mencipta sebuah kapalterbang, walaupun kecil tetapi kapalterbang juga, sebuah helikopter, walaupun kecil tetapi helikopter juga, dengan usaha sendiri. Bangsa kita, Tentera kita., sudah berhasil mencipta pesawat terbang. Kita sudah mula berangan-angan bahawa tidak lama lagi bangsa kita akan berhasil mencipta roket untuk ke bulan kerana kita dapati orang-orang yang berhasil mencipta pesawat terbanglah yang akan berjaya membuat roket ke bulan. Kita bangga dengan kejayaan ini. Cuma apakah penglibatan kita? Saya melalui Dewan ini, kalau pun tidak hendak diterima cadangan, merakamkan tahniah Dewan ini kepada Persatuan penerbangan dan anggota-anggota keluarganya yang telah berhasil meletakkan bangsa Malaysia ke tahap yang sama dengan bangsa-bangsa lain dalam dunia ini yang telah berjaya mencipta pesawat terbang.

Petang semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan megahnya menduduki serta merasmikan pesawat ini dan melahirkan perasaan keluhan, pesawat kita ini agak mahal.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, pesawat yang diciptakan oleh bangsa kita ini agak mahal jika hendak dibuat. Saya lihat dalam kenyataan Lt. Kol. Mohd Ngah, pesawat ini menelan belanja sebanyak \$90,000 sebuah.

Saya pernah dengar banyak mass-media, akhbar-akhbar mengadakan berbagai-bagai tabung, terutama tabung orang sakit hendak dihantar ke luar negeri, tabung hendak menampung murid-murid sekolah. Sekarang sudah ternyata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan perbelanjaan ini mahal, tetapi kita sudah berjaya. Apakah kita semata-mata hendak mengharapkan Kerajaan sahaja? Apakah penglibatan kita?

Saya mencadangkan melalui Dewan ini supaya mana-mana badan yang pernah dan berpengalaman mengadakan tabung supaya mengadakan satu tabung untuk membantu keluarga-keluarga Malaysia yang berada dalam Persatuan Penerbangan ini yang merupai kewangan bagi diciptakan lebih banyak lagi kapalterbang-kapalterbang yang akan dibuat oleh kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin, saya akan mulakan derma ini sebanyak \$1 buat permulaan. Saya tamatkan ucapan di sini dan mohon izin untuk menyerahkan derma ini kepada Setiausaha Dewan, kalau ada mana-mana tabung yang hendak dimulakan ini ambillah duit saya ini buat permulaan \$1 - minta maaf tidak ada \$1 - \$10 lah. Terima kasih.

[Y.B.Tuan Haji Hussein menyampaikan derma kepada Setiausaha Dewan]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Dipersilakan menyambung ucapan Yang Berhormat.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada Ahli Yang Berhormat hendak berucap? Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Chan Toong Tak.

4.34 ptg.

Tuan Chan Toong Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul mempersembahkan sebanyak-banyak syukur dan Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Ketujuh pada 7hb Oktober, 1986.

Dalam Titah Ucapan Baginda yang ringkas, tetapi penuh bermakna Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah mengingatkan kami tentang masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh negara kita serta masalah-masalah yang terus akan dihadapi pada satu tempoh masa yang akan datang. Bersama-sama dengan negara-negara membangun yang lain, kita sedang berada di pertengahan zaman meleset yang buruk atau serius, komoditi utama negara kita tidak memberikan hasil yang lumayan, tetapi sebaliknya hutang-piutang luar negeri kita pula menjadi bertambah banyak.

Walau ancaman komunis kelihatan telah hilang, lain-lain musuh pula jelas sekali timbul, misalnya ketaksufan agama, dadah, komunisme, Untuk terus wujud sebagai sebuah negara yang berdikari serta yang disanjung tinggi, semua rakyat Malaysia mestilah **ber-**balas secara positif terhadap seruan Duli Yang Maha Mulia supaya bersatupadu untuk menghadapi musuh-musuh supaya rajin bekerja, supaya ada kepercayaan pada diri sendiri serta berjimat-cermat.

Pada masa sekarang bukanlah waktu untuk bertindak secara emosi, dengan perasaan emosi serta menimbulkan isu-isu sensitif atau mewujudkan masalah-masalah daripada perkara-perkara yang tidak berkaitan, yang mesti dibuat oleh kita sekarang ialah menumpukan perhatian kita semua untuk recovery atau mendapat balik daripada zaman yang meleset ini. Barangkali tempoh masa kesusahan negara kita ini boleh menjadi cabaran yang baik untuk menguji kesetiaan kita terhadap negara kita ini serta pada masa yang sama bagi Kerajaan kita untuk menunjukkan bahawa semua rakyatnya adalah rakyat Malaysia yang setaraf.

Kita rakyat Malaysia mestilah bersama-sama menanggung beban-beban serta menikmati kesejahteraan dengan tidak mengira bangsa atau agama.

Untuk permulaan, saya dengan hati yang ikhlas menyeru Kerajaan kita dan semua rakyat Malaysia supaya mengurangkan atau mengemas-kinikan jurang perkauman. Parti-parti politik yang berasaskan perkauman janganlah dengan suara lantang untuk berlawan atau mendapat sesuatu untuk sesuatu perkauman, tetapi untuk mendapat suatu faedah kepada rakyat Malaysia. Kita menceburkan diri dengan sepenuhnya untuk bekerjasama menuju ke suatu masyarakat yang berharmoni, bersatu-padu dan berhasil.

Pada tahun yang akan datang barangkali juga ada banyak parti yang akan menghadapi pilihan parti-parti sendiri dan di sini saya menyeru kepada mereka janganlah menimbulkan masalah-masalah perkauman.

Dalam menghadapi krisis kewangan masa kini, kita harus mengikat perut dan bekerja kuat yang adalah lebih baik daripada hanya membuang masa dan tenaga dalam mengkaji siapakah di antara nenek-moyang kita yang pertama tiba di negara ini dengan tujuan hendak memisahkan sesuatu kumpulan warganegara daripada yang lain. Perkara-perkara ini pada fikiran saya tidak mustahak. Yang mustahak ialah apakah tindakan yang mesti kita ambil supaya masa yang susah ini bolehlah kita menghadapinya.

Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kebijaksanaan Yang Amat Berhormat dalam memberikan arahan kepada kumpulan yang bertindak supaya mem-berhentikan tunjuk perasaan mereka terhadap rakyat Singapura. Kita benci Zionism dan oleh sebab kebencian ini kita telahpun meluahkan bantahan kita melalui saluran-saluran tertentu dan pertunjukkan perasaan yang seterusnya kalau dibenarkan akan hanya membayangkan rakyat Malaysia sebagai kanak-kanak yang terlampau beremosi, yang tidak tahu membezakan antara warganegara yang tidak bersalah dengan barangkali dasar Kerajaan yang tidak disukai.

Soal pindaan Akta Pelajaran telah diumumkan dan Menteri Pelajaran telah menyeru kepada pihak yang berminat untuk memberi pendapat mereka. Walau bagaimanapun, saya telah diberitahu bahawa terdapat Persatuan-persatuan tertentu yang telah meminta supaya dapat berjumpa dengan Menteri, tetapi mereka tidak menerima sebarang balasan. Barangkali, Menteri sendiri tidak sedar tentang perkara ini. Kalau ada persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan yang berminat yang dapat memberikan komentar-komentar lebih Kerajaan terima dan berunding dengan mereka sebelum kita meminda sesuatu akta.

Akta pindaan ini haruslah kalau dibuat menuju ke arah mewujudkan rakyat Malaysia yang berpendidikan, yang dapat memajukan negara kita, menjadikan rakyat Malaysia yang tidak diselubungi dengan sebarang perasaan diskriminasi, timbul daripada latar-belakang mereka, ethnik atau agama.

Suatu bayangan yang sangat sedih pada masa ini ialah polarisasi yang semakin memburuk yang wujud dalam berbagai institusi pelajaran kita. Penuntut-penuntut dan murid-murid sekolah daripada sesuatu kaum biasanya tidak bercampur-gaul dengan kaum yang lain dan saya diberitahu begitu juga dengan pihak guru-guru. Dalam bilik-bilik guru, guru-guru satu kaum adalah bercampur-gaul dengan kaum yang sama, guru-guru yang lain dipisahkan. Kita sekarang mestilah mencari jalan-jalan dan cara-cara untuk menyemai semula ke dalam sanubari generasi muda kita, semangat bertolak ansur dan perasaan persaudaraan yang selalu diajar kepada kita melalui agama-agama yang kita anuti serta melalui tindakan yang tegas. Kerajaan mestilah menunjukkan bahawa semua rakyat adalah rakyat yang setaraf dan mestilah menanggung beban serta menikmati kesejahteraan secara seimbang.

Saya berasa suka hati pada petang ini dalam masa Soal Jawab, di beri tahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, bahawa tidak ada penuntut-penuntut yang dilarang masuk ke universiti oleh sebab salah memilih matapelajaran-matapelajaran dan jika sekiranya ada penuntut-penuntut yang tidak berjaya dapat admission kerana markahnya rendah. Tetapi sebelum saya datang, saya ada diberi tahu, information barangkali yang tidak patut, tidak betul bahawa ramai murid-murid dalam tahun 1985 yang tidak berjaya masuk ke universiti

sungguhpun markah yang didapati oleh mereka itu tinggi oleh sebab mereka adalah ikut seruan Menteri Pelajaran dahulu, iaitu baik bagi penuntut-penuntut kalau mereka belajar bukan hanya sains tetapi bersama-sama dengan matapelajaran arts. Oleh sebab itu, ada di antara penuntut-penuntut yang mengambil peperiksaan bukan sahaja matapelajaran-matapelajaran sains tetapi termasuk matapelajaran arts, oleh sebab itu mereka saya diberi tahu tidak dapat masuk. Maka apa yang diberi tahu kepada saya, kepada Dewan ini pada petang ini adalah baik. Saya harap information yang saya dapat tahu itu tidak betul.

Saya juga ada bertanya sama ada Kementerian Pelajaran dapat menetapkan tarikh untuk mengumumkan sesuatu peperiksaan dan jawapannya ialah tidak, kerana masa memproses keputusan itu tidak tertentu. Tetapi ada negara-negara yang lain boleh menetapkan tarikh dan saya fikir kalau kita ambil tindakan yang tegas bolehlah juga kita menetapkan tarikh yang tertentu. Kalau sesuatu tarikh itu tidak ditetapkan yang biasanya penuntut-penuntut sampai masa lebih kurang keputusan itu dikeluarkan mereka berasa sangat bimbang dan tidak tahu tarikh yang mana yang keputusan itu akan dikeluarkan. Tetapi kalau misalnya untuk STPM atau untuk SPM tarikh yang telah ditetapkan bahawa untuk tahun 1987, keputusan itu bagi akan dikeluarkan pada 1hb Februari, kalau sangat siang, barangkali 1hb Mach, maka penuntut-penuntut yang berkenaan bolehlah pergi bercuti dan pada 1hb yang ditetapkan itu mereka boleh menunggu, tidak payah tunggu-tunggu seperti sekarang ini.

Saya telah berkata bahawa hal-hal yang tidak penting janganlah diheboh-hebohkan terutama sekali pada masa kini untuk menimbulkan kejahilan dan kekeliruan atas orang ramai. Satu contoh yang baik adalah persoalan-persoalan tentang Bahasa Kebangsaan dan bahasa ibunda. Perkara ini juga ada ditimbulkan dalam Dewan ini. Semua rakyat Malaysia telah menerima Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu sebagai asas bagi perkembangan Bahasa Kebangsaan. Itu tidak ada soalan lagi. Anak-anak kita semua dan kebanyakan di antara kita semua telah belajar dan telah menerima bahawa Bahasa Melayu adalah asas Bahasa Kebangsaan dan kita semua tahu Bahasa Kebangsaan.

Kalau kita sekarang tengok murid-murid daripada Darjah I sehingga ke Tingkatan 5, mereka sudah pandai bertutur dalam Bahasa Kebangsaan. Maka ini tidak menimbulkan apa-apa masalah lagi. Kanak-kanak semua adalah mahir dan kanak-kanak yang bahasa ibundanya kalau bukan Bahasa Kebangsaan, Kerajaan telah dan barangkali masih memberikan kemudahan kepada mereka untuk mempelajari bahasa ibunda yang sudah lama diakui sebagai bahasa Mandarin atau bahasa Tamil. Ini telah diterima dan tidak ada masalah lagi. Oleh sebab itu kebanyakan rakyat sekarang berfikir mengapa persoalan berkenaan identiti bahasa ibunda mula ditimbulkan. Kalau ini ditimbulkan nanti saya fikir polemics akan ditimbulkan lagi.

Perumahan Kos Rendah - Kerajaan kita telah mendirikan suatu sasaran untuk mendirikan sebanyak 80,000 unit rumah-rumah kos rendah setiap tahun dan institusi-institusi kewangan kita, saya telah difahamkan, telah juga bersetuju memperuntukkan sumber kewangan yang mencukupi untuk dipinjamkan kepada pembeli-pembeli rumah-rumah ini, Apa yang menghairankan ialah walaupun jumlah rumah-rumah kos rendah yang didirikan pada tahun 1986 adalah di bawah sasaran 80,000 unit, ramai pemaju-pemaju perumahan nampaknya terdapat kesusahan dalam mendapatkan bantuan kewangan bagi pembeli-pembeli mereka daripada berbagai bank. Adalah diharapkan Menteri. Kewangan akan dapat memberikan sedikit sebanyak penjelasan atas perkara ini.

Merujuk kepada rancangan Kerajaan untuk memajukan keadaan kampung-kampung atau kampung-kampung baru atau new villages, saya berharap Menteri Perumahan akan dapat memberi kita rancangan yang jelas dan memberitahu kita jangkamasa yang sesuai bila rancangan-rancangan ini akan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah disiarkan dalam surat khabar berkenaan dengan rancangan untuk memperkenalkan Undang-undang Islam untuk mengambil alih Undang-undang yang wujud dalam negara kita secara beransur-ansur,

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri daripada berbilang kaum dan berbagai-bagai agama dengan suatu sistem Undang-undang yang telah diwarisi daripada orang-orang Inggeris yang telah disingkirkan sebagai penjajah suatu masa dahulu. Walaupun kita sangat bangga di atas kejayaan mencapai kemerdekaan daripada pihak Inggeris, kita juga turut berasa gembira kerana dapat menggunakan sistem Undang-undang daripada mereka yang telah berjalan dengan licinnya sepanjang masa kemerdekaan kita. Oleh yang demikian, ramai rakyat Malaysia tertanya-tanya mengapakah perlu bagi ucapan-ucapan sedemikian yang berkenaan bertukar kepada suatu sistem yang nampaknya asing bagi kebanyakan rakyat Malaysia barangkali termasuk orang yang beragama Islam. Adalah diharapkan Kerajaan akan mengambil langkah-langkah positif untuk mengurangkan kebimbangan dan perimbangan kebanyakan rakyat Malaysia yang khasnya bukan beragama Islam.

Di sini saya juga hendak mengambil peluang untuk mengucapkan syabas kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos yang telah menjalankan tugas dengan baik dalam memperuntukkan kemudahan telefon kepada kebanyakan rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, Menteri mesti mengambil tindakan yang tegas untuk memastikan bahawa pengguna-pengguna telefon adalah dikenakan bayaran, panggilan yang dibuat oleh mereka dan bukan oleh orang lain.

Saya banyak telah diberi maklumat bahawa adalah banyak pengguna-pengguna yang bil-bilnya telah bertambah, sungguhpun telefonnya tidak digunakan. Ada di antara mereka itu telah ada line telephonenya telah dipotong tetapi bil-bilnya masih sampai. Jika sekiranya Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang tersebut tidak berupaya menangkap pesalah-pesalah yang bertanggungjawab bagi tindakan tersebut, saya di sini ingin mencadangkan supaya Kementerian itu dapat meminta Badan Pencegah Rasuah untuk menyiasat perkara tersebut.

Sekianlah sahaja dan saya hendak menyokong Usul yang tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap? Kalau tidak ada, saya tempohkan Dewan yang mulia ini selama 15 minit daripada sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 5.15 petang.

Persidangan ditempohkan pada pukul 5.00 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.17 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua: Kita menyambung lagi perbahasan. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap? Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang.

5.18 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta bagi mengambil bahagian dalam membahaskan Titah Ucapan dan Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong, sebagaimana yang telahpun dilakukan oleh rakan-rakan sebelum saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta menyembah junjung kasih di atas Titah Ucapan yang merangkumi semua isu-isu yang sedang diperkatakan oleh semua rakyat di negara ini dapat dilihat dan ditatapi melalui Titah Ucapan yang telah dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong. Saya mengambil kesempatan untuk membahaskan Titah Ucapan **ini**, iaitu memandangkan ucapan ini hanya mengandungi 3 muka, tetapi merangkumi semua aspek ataupun semua isu-isu yang sedang berlaku di negara kita dan juga ada kaitannya dengan dasar-dasar luar negeri dan isu antarabangsa.

Saya dapat memetik daripada Titah Ucapan ini, di antaranya ialah mengenai pilihanraya umum yang telah lalu, yang kedua kejatuhan ekonomi, keselamatan, perpaduan rakyat, menyentuh dari segi agama Islam dan akidah, dasar luar negeri dan isu antarabangsa, kemampuan semua pihak bagi menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam negara ini. Bagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada pucuk pimpinan negara di mana pilihanraya yang lalu telah dapat berjalan dengan baik dan tenteram, tidak ada perkara-perkara yang merosakkan keselamatan dan rakyat dapat keluar mengundi dengan baik, keputusan pilihanraya dapat diumumkan dengan secara baik dan majoriti bagi pihak parti pemerintah telah dapat kemenangan yang cemerlang. Saya merakamkan melalui Titah Ucapan ini setinggi-tinggi tahniah kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sebagaimana yang kita dapat ketahui dan dapat kita lihat bahawa walaupun pilihanraya umum ini telah berlangsung dan Kerajaan telahpun dibentuk, tetapi masih kedapatan juga desas-desus tidak kepuasan hati bagi pihak-pihak yang tidak mendapat tempat dalam kemenangan pilihanraya ini. Hasil daripada itu berbagai-bagai angkara, berbagai-bagai keadaan, berbagai-bagai isu ditimbulkan satu demi satu untuk membayangkan bahawa ketidakpuasan yang berlaku dalam pilihanraya itu masih berjalan dan masih mahu mencari masalah-masalah supaya kekuatan Kerajaan yang diberikan kepercayaan oleh rakyat itu terumbang-ambing dan tidak dapat berdiri dengan sekuat-kuatnya. Dengan sebab itu keadaan yang seperti ini haruslah pihak pemerintah dengan keberanian dan dengan segi undang-undang dan sebagainya supaya dapat memperlahankan sedikit keadaan-keadaan yang membimbangkan ini.

Saya tidaklah menyentuh isu-isu itu secara langsung, tetapi rakyat tahu dari dapat memahami bahawa isu-isu yang diterbitkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini kita nampak berlapis-lapis dari satu masa ke satu masa, kadang-kadang isu yang pertama belum dapat diselesaikan, timbul pula isu yang kedua, kesemuanya itu membawakan keadaan yang kurang sihat di kalangan rakyat. Oleh kerana itu, walaupun rakyat negara ini memahami bahawa mereka sudah sehati dengan demokrasi berparlimen ataupun telah memahami tentang kedudukan Kerajaan negeri kita ini, tetapi mereka cuba tak mahu ambil tahu keadaan-keadaan yang seperti ini.

Jadi, oleh itu kita harap keadaan-keadaan ini akan dapat ditenteramkan dan akan dapat dijelaskan dengan sebenar-benarnya apakah yang sebenar-benarnya demokrasi berparlimen ini. Ekoran daripada itu kita masih banyak kedapatan kata-kata sumbang dan rasa tidak puas hati sebagaimana yang telah disebutkan oleh rakan saya sebelum ini bahawa timbul bagi pihak yang tidak puas hati ini menyerang Kerajaan ataupun menyerang Dewan ini sendiri dizehirkkan ketidakpuasan dan rasa curiga. Jadi, oleh sebab itu sebagaimana yang diketahui bahawa Ahli-ahli Dewan yang dilantik ini adalah memikul tanggungjawab dan memikul amanah yang sangat berat kerana bertanggung keadaan mereka itu, sama ada keadaan negara ini boleh selamat atau tidak, bergantung kepada keputusan-keputusan yang dibuat oleh Dewan ini. Dengan sebab itu, kata-kata sumbang ini tidak sepatutnya lagi timbul dan rasa-rasa curiga ini tidak patut lahir daripada pihak-pihak yang tertentu.

Kemudian saya menyentuh dari segi ekonomi. Dari segi ekonomi ini dari sepintas lalu kita nampak semua orang tahu dan semua rakyat tahu, baik rakyat yang ada pelajaran ataupun rakyat yang kurang

mendapat pelajaran, sama ada rakyat di luar bandar ataupun dalam bandar, sama ada rakyat yang duduk jauh di ceruk kampung ataupun rakyat yang duduk di tengah-tengah kalangan masyarakat yang moden, semua tahu menyebut tentang ekonomi bahawa di Malaysia sekarang ini ekonominya meleset atau lembab dan semua tahu bahawa ekonomi yang berlaku ini adalah disebabkan kejatuhan bahan-bahan mentah negara di luar negeri dan mereka tahu bahawa Kerajaan kekurangan perbelanjaan dan rakyat tertindas di atas keadaan yang demikian. Tetapi kalau kita mahu merenong dan mahu mengkaji tentang ekonomi ini bukan sekadar kita memandang kepada kemewahan, bukan sekadar kita memandang kepada keselesaan, malahan kita harus menekankan bahawa di samping kita berkehendakkan kemewahan, di samping kita berkehendakkan kepada keselesaan ini, kita harus bersyukur dan berfikir negara ini belum sampai kepada tahap yang paling mendukacitakan, belum sampai kepada tahap rakyat tidak makan, rakyat tidak berpakaian, rakyat tidak ada mempunyai tempat kediaman sebagaimana yang berlaku di negara-negara yang lain.

Dengan keadaan yang ada sekarang kalau semua pihak mahu memahan dan mahu mencari penyelesaian, baik dari segi Kerajaan ataupun dari segi rakyat bahawa kemelesetan ataupun ekonomi yang lembab di negara ini boleh kita perbaiki sekiranya semua rakyat, semua orang bertanggungjawab ini memahami tentang keadaan yang ada. Kita tidak boleh berfikir bahawa semuanya ini boleh diselesaikan dengan otak, boleh diselesaikan dengan pemikiran atau boleh diselesaikan dengan kekuatan tenaga, malahan kita harus mengkaji di atas keadaan-keadaan ini harus ada sesuatu hikmah yang disediakan oleh Allah s.w.t, kepada negara kita.

Sebagai orang yang mempercayai atas kebesaran Allah, sebagai orang yang mempercayai ke atas wujudnya kekuasaan **ini**, kita harus tahu setiap apa yang berlaku di muka bumi adalah setelah diperhati dan dilihat, telah ditengok oleh Allah. Kita tidak boleh lari daripada hakikat ini. Sebab itu sebagai orang yang mahu mencari keredaan ini harus tahu berfikir di mana kesilapan-kesilapan yang berlaku, di mana jurang-jurang yang harus ditutup, di mana lubang-lubang yang harus kita timbus supaya kemurkaan ini tidak akan berlarutan, sebagaimana yang dimurkai oleh Allah kepada negara-negara selain daripada negara Malaysia ini. Makna yang saya maksudkan, ialah negara-negara yang ditimpa oleh kelaparan, kebuluran, kemelaratan dan sebagainya.

Cuma yang menjadi masalah sekarang ialah kita mempersoalkan bagaimana kita hendak memberikan keselesaan ini kepada seluruh rakyat, kepada seluruh penduduk negara ini dapat merasai keselesaan ini dan dapat memuaskan perasaan dan kehendak mereka masing-masing. Ini amat sukar. Tetapi bagi pihak Kerajaan yang diamanahkan mengatur strategi untuk memberi keselesaan kepada rakyat ini haruslah terus-terang dan haruslah berani menyatakan sesuatu dan berbuat sesuatu.

Kita khuatir di dalam kita memperbahaskan banyak soal dalam ekonomi ini. Kita banyak lupa tentang kekuasaan yang Maha Esa. Kita banyak lupa tentang kewujudan Allah s.w.t. Dari segi Islam, kita harus berfikir bagaimana hendak memulihkan keadaan **ini**. Kita harus mencari jalan, walaupun kita kata komoditi kita jatuh, berbagai-bagai cara yang kita buat tetapi insya Allah, dengan rasa tanggungjawab, rasa mahu memahami tentang keadaan **ini**, ekonomi kita ini dapat kita pulihkan dengan kehendak dan kekuasaan Allah. Tidak boleh diatasi oleh kekuasaan yang ada pada manusia. Dari segi ini kita tidak harus lari bahawa kita wujud bukan sekadar di Malaysia, hanya kita datang daripada Tuhan ke muka bumi ini untuk memakmurkan bumi Allah, untuk memampatkan segala-galanya **ini**, tetapi mengapa menjadi demikian? Ini harus kita membuat pengkajian. Harus sumber-sumber ini kita fikirkan yang ada kemunasabahannya untuk menolong kekuatan yang ada pada kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan ini juga ada menyentuh tentang keselamatan. Menyentuh tentang keselamatan **ini**, kita nampak ditekankan oleh Duli Yang Maha Mulia iaitu ancaman komunis dan satu lagi ialah bahaya penyalahgunaan dadah yang menjadi musuh utama negara.

Ancaman komunis sebagaimana yang telah diterangkan oleh Timbalan Menteri semalam, keadaan tidaklah begitu membimbangkan kerana bilangannya terlalu kecil dan hanya bergerak di negeri-negeri Perak, Selangor dan Pahang. Komunis yang bersenjata yang duduk dalam hutan **ini**, kita tidak berapa khuatir. Yang kita paling takut ialah orangnya tidak komunis tetapi hatinya komunis. Ini yang menjadi masalah. Keselamatan inilah yang harus kita awasi dan kita jaga kerana mereka ini merupakan gunting dalam lipatan. Inilah jenis orangnya yang disebutkan oleh bidalan orang Melayu "menumbuk kawan seiring". Inilah orangnya yang dimaksudkan "pepat-pepat di luar rencong di dalam". Kalau keadaan ini tidak diawasi dan tidak diteliti, maka kita akan menghadapi satu keadaan yang sungguh-sungguh mencemaskan dari segi keselamatan sebab di dalam kita menghuraikan komunis **ini**, kita tidak ada membuat kawalan seperti mana kawalan yang pernah dilakukan di zaman darurat. Kita tidak ada menyekat makanan, kita tidak ada menyekat kebebasan membawa senjata dan sebagainya. Tetapi daripada berita yang kita dapati melalui radio, melalui televisyen, melalui surat khabar, media-massa kita, menampakkan bahawa komunis yang di dalam hutan itu kurang merbahaya sebab sudah wujud keganasan yang lebih dahsyat daripada komunis itu dalam masyarakat. Ini yang saya maksudkan. Dengan sebab itu kita harus berhati-hati dan berwaspada dan harus berhati-hati mencari kawan, siapa sebenarnya kawan dan siapa sebenarnya lawan. Tidak kita beri senjata kepada musuh. Inilah kita takut.

Menyentuh dalam soal dadah, sebagaimana yang telahpun dihurai-kan dalam pertanyaan saya semalam oleh Timbalan Menteri Dalam

Negeri, sudah kelihatan angka-angka ini amat mencemaskan. Walaupun diberi kesimpulan 30% daripada penagih-penagih yang dipulihkan ini tidak menagih semula. Tetapi dari segi yang saya sendiri merisik-merisik, kerana saya tinggal berhampiran dengan Pusat SERENTI, Tampin dan saya seorang daripada Pengerusi Jawatankuasa Lawatan Pemulihan Dadah ini, amat bimbang kerana peratusnya itu tidak seperti mana yang telah disebutkan. Satu cerita lucu yang saya dapati bahawa penagih yang telah kita bebaskan telah menagih semula. Mereka mendakwa bahawa tidak ada satu nikmat yang paling seronok yang pernah dirasai, yang pernah mereka perolehi hatta nikmat kasih sayang antara lelaki dan perempuan, lebih hebat lagi nikmat yang diterima daripada menghisap dadah. Ini dakwaan yang diberi oleh mereka. Biarlah katanya, letakkan tiga perempuan jelita di depan, letakkan dadah, dia akan pilih dadah. Begitu keadaannya.

Suasana yang seperti ini, kita dapat tahu bahawa perbelanjaan dadah ini seorang satu hari \$10 purata. Tetapi untuk memulihkan selama dua tahun cubalah kita hitung seorang punya perbelanjaan. Satu hari \$10 selama dua tahun. Setahun 365 hari x 2 x 10, tahulah berapa jawapannya.

Kemudian, antaranya penagihan ini pula didedahkan banyak berlaku kepada orang Melayu. Yang saya dapat memastikan bahawa orang yang menjadi penagih dadah ini ialah banyak orang Melayu kerana saya ikuti iklan dadah dalam TV. Saya tidak tengok orang lain, semua orang Melayu - hendak muntah pun orang Melayu, yang tersungkur pun orang Melayu, yang tersumbat dalam jel pun orang Melayu, yang perempuan bawa anak itupun orang Melayu. Memang orang Melayu inilah yang menghisap dadah. Orang lain tidak ada. Ini saya minta perhatian. Betullah barangkali kalau saya katakan bahawa penagihan dadah ini terlibat kepada orang Melayu, sebab tidak ada gambaran orang lain.

Tetapi yang saya tengok di Pusat SERENTI yang menagih ini tidak pula 100% orang Melayu, tetapi ada juga banyak orang lain. Tetapi kenapa pendedahan ini hanya untuk itu sahaja? Jadi dengan keadaan yang macam ini dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia menyatakan ini merupakan ancaman kepada negara iaitu ancaman yang pertama, ancaman yang terkuat. Inilah yang membimbangkan negara.

Maka kita semua rakyat yang waras fikiran ini yang ada mempunyai tanggungjawab, yang mempunyai anak, yang ada mempunyai keluarga harus sama-sama melibatkan diri untuk memulihkan keadaan yang ada. Tetapi apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, dalam masyarakat kita orang yang memandang kepada keadaan ini hanya sebilangan kecil sahaja. Yang lain itu, ikut buat tidak tahu, seolah-olah tidak ada jenayah ini berlaku.

Jadi, dengan sebab itu perkara yang harus kita perhatikan dan kita tengok, banyak jalan-jalan atau persediaan-persediaan yang harus kita buat supaya pengurangan ini dapat kita lakukan. Kerana ini merupakan wabak, bukanlah ia merupakan wabak taun. Kalau kita bawa, mohon izin, dalam hadis Rasulullah s.a.w., dikatakan taun ini adalah satu penyakit yang paling ditakuti. Itu zaman Rasulullah s.a.w. Tetapi pada akhir zaman ini pula bukan adanya wabak taun, ini sudah datang dadah kerana taun manusia sudah mula berfikir macam mana hendak menghapuskan taun, usaha-usaha telah dibuat. Tetapi dalam masalah dadah usaha-usaha ini nampaknya, bukan tidak ada, tetapi, kesungguhan itu tidak kita nampak, bukan dari pihak Kerajaan malahan kesungguhan masyarakat. Kesedaran ini harus kita salurkan kepada semua masyarakat dan kadang-kadang kita menghadapi masalah juga sebab ada pihak-pihak sekolah minta supaya ceramah dadah ini disampaikan kepada murid-murid sekolah menengah. Hasil dari ceramah itu bukan mengurangkan dadah tetapi menambahkan dadah. Sebab mereka sudah tahu macam mana caranya. Ini satu kenyataan. Jadi bagaimana caranya?

Kesimpulannya yang saya nampak bahawa dalam masalah dadah ini kita tidak boleh persalahkan anak yang menghisap dadah sahaja malahan mesti dipersalahkan secara terus ibubapanya sekali. Ini saya punya pandangan, Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh dilibatkan anak itu sahaja sebab ibubapa harus dipertanggungjawabkan. Kalau ini dapat dilaksanakan, kemungkinan ibubapa akan mengambil perhatian. Kalau tidak, anak ini akan terbiar, sebab mereka ini adalah terdedah, sebab kekosongan yang ada pada mereka itu lebih banyak daripada masa-masanya yang terisi. Kalau kita mahu jalan dalam masyarakat kita akan menemui keadaan-keadaan ini. Oleh sebab

itu didikan ini haruslah dipertekankan kepada ibubapa supaya ibubapa mengambil berat. Ini dalam masalah dadah.

Sekarang saya menyentuh dari segi perpaduan rakyat. Ini telah-pun disentuh oleh banyak rakan-rakan yang dahulu daripada ini bahawa perpaduan rakyat Yang kita laung-laungkan ini supaya negara ini dapat membentuk satu bentuk ummah yang bersatu padu. Masalah ini kita susah hendak cakap. Macam mana hendak bentuk manusia ini supaya dia bersatu-padu, supaya apabila dia sudah bersatu padu, dia boleh jadi kuat. Dia boleh merancang dan dia boleh mengatur dan boleh melaksanakan sesuatu manakala dia berpadu, manakala dia sudah kuat. Tetapi kita harus berfikir, perpaduan ini tidak boleh dipupuk dengan slogan-slogan sahaja. Malahan perpaduan ini harus dipupuk secara perbuatan, secara amalan sebab dari segi amaliahnya untuk membentuk satu keluarga pun susah, apa lagi untuk membentuk satu kelompok masyarakat. Apa lagi untuk membentuk rakyat, satu negara - memang susah. Tetapi kesusahan ini tidak akan berlarutan kalau sekiranya ada usaha-usaha bagaimana kita hendak mendekatkan perpaduan. Usaha-usaha yang kita harus buat satu daripadanya ialah melalui undang-undang, melalui peraturan-peraturan hidup sebab manusia kalau dia tidak ada mempunyai undang-undang dan peraturan hidup, dia lebih liar daripada, mohon izin, "haiwan".

Jadi peraturan dan undang-undang ini harus dilakukan dan pembentukan perpaduan ini harus disalurkan melalui peringkat kanak-kanak lagi. Sebab itu kita menyokong penuh dasar Kementerian Pelajaran yang akan dilaksanakan di peringkat sekolah rendah di mana kelompok sekolah yang berhampiran yang mengandungi Sekolah Tamil, Sekolah Cina dan Sekolah Kebangsaan dibuatkan kegiatan luarnya bersama-sama dengan bergilir-gilir. Saya harap rancangan ini akan

berjalan dan akan dapat difahamkan kepada semua ibubapa dan penjaga murid supaya ianya dapat dihayati sebenarnya kerana dari segi yang saya tengok, kefahaman di antara murid insya Allah lahir, tetapi kefahaman bagi pihak ibubapa, antara kaum **ini**, belum lagi dapat dilakukan. Sebab itu kegiatan-kegiatan luar sekolah yang dibuat secara kumpulan ini haruslah diberi penerangan dengan jelasnya dan diberikan pengetahuan ini kepada ibubapa di atas hasrat Kerajaan.

Perpaduan ini juga memanglah dituntut, memang dikehendaki oleh semua negara supaya rakyat berpadu dan taat setia. Jangan ada taat yang tidak setia atau taat yang berbelah bagi. Bagi melaksanakan keadaan ini semua, rakyat harus menaruh dalam hati mereka dan faham bahawa mereka duduk dalam satu negara sebagai satu rumpun bangsa dengan satu kebudayaan. Walaupun ini tidak mahu diiterima oleh setengah-setengah bahagian, setengah-setengah pihak, tetapi kita kena cakap. Kalau kita tidak boleh meletakkan keadaan satu negara ini, satu rumpun bangsa dan satu bentuk kebudayaan ini, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh rakan saya dahulu daripada ini tadi, bahawa sejarah telah membuktikan mereka yang tidak mahu mengaku bahawa kebudayaan ataupun rumpun bangsa yang ada ini diterapkan kepada bangsa yang dimaksudkan itu, tetapi sejarah telah membuktikan dengan lahirnya Baba dan nyonya di Melaka sehingga mereka tidak tahu cakap bangsanya. Mereka lebih arif, lebih tahu cakap bahasa orang Melaka atau bahasa Melayu. Kenapa pula lahir yang kemudian-kemudian ini bentuk yang lain? Kita dengar keadaan ini masih tidak muncul.

Untuk mensekukan keadaan **ini**, kita mahu menerima tambahan-tambahan keilmuan ini dan segi bahasa dan kebudayaan yang datang daripada lain rumpun bangsa. Bukan kita tolak begitu sahaja. Ini harus diambil perhatian, jangan diungkit-ungkit terlampau banyak, kalau mahu perpaduan ini wujud di negara Malaysia. Kemudian tentang perpaduan ini juga kita nampak berbagai-bagai isu pun boleh ditimbulkan dan sengaja ditimbulkan. Sebab itu manakala ditonjolkan dan ditimbulkan satu isu kepada masyarakat, maka masyarakat akan bercakap ketidakpuasan itu akan lahir, muka kita berpandangan ini akan mewajahkan keadaan yang tidak tenang. Saya mengambil

kesempatan di Dewan yang mulia dan Dewan yang berdaulat ini supaya ini ditekankan dengan tidak ada keraguan bahawa satu rumpun bangsa dan satu kebudayaan ini harus hidup dalam negara kita untuk melahirkan perpaduan,

Saya menyentuh dalam masalah Titah Ucapan ini juga yang disebut tentang kedudukan agama Islam dan pengajarannya.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat faham dan tahu bahawa teras keagamaan di negara ini adalah Islam. Keutuhan dan kekuatan Islam ini menjadi satu contoh dan ikutan pada orang Islam dan akan dipandang, diperhatikan dan diteliti oleh orang yang bukan Islam. Sebab itu perpaduan dan kekuatan kepada penganut-penganut Islam ini sendiri harus wujud, harus ada. Tidak ada banyak perpecahan, tidak akan lahir berbagai-bagai pendapat yang boleh meruntuhkan dan meliarkan keadaan umat Islam yang sedang tenang pemikirannya, tidak didatangkan dengan fahaman-fahaman yang boleh merosakkan dan menyelewengkan pemikiran dan keadaan kerana kita faham bahawa orang Islam ini bukan semuanya cerdik, bukan semuanya berpengetahuan tinggi dari segi keagamaan. Malahan golongan yang kurang berpengetahuan agama itu lebih ramai daripada yang arif, daripada yang tahu. Dengan sebab itu, orang yang tahu ini harus berhati-hati supaya jangan mencari kesempatan, mencari peluang, mencari kebahagiaan, mencari keseronokan di atas keadaan diri mereka dan jangan tumbuh fahaman-fahaman yang boleh menggugat akidah pegangan umat Islam yang baik. ini.

Ini berlaku satu isu yang baru-baru dahulu tentang pentafsiran Imam Mahadi sehinggalah kita tidak tahu apa hujungnya yang telah dipaparkan melalui suratkhobar. Sudah ada pula yang berani meletakkan

siapa Imam Mahadi, di mana keturunannya, di mana dia tinggal, di mana dia ada sekarang. Ini akan menjejaskan keadaan dan ini Kerajaan harus tegas untuk menyelamatkan umat Islam di negara ini. Kalau tidak, keadaan ini akan terus menerus.

Begitu juga tentang beberapa pengajaran-pengajaran yang kurang sihat. Setengah-setengah orang yang kurang arif menyebut ini adalah salah, orang yang membawa tarikat. Sebenarnya tarikat adalah satu jalan menuju kepada keredhaan Allah. Tidak ada satu tarikat yang salah kerana jalan tarikat itu adalah jalan yang membawa kepada menuju keredhaan Allah, ingin mendapat perlindungan daripada Allah. Tetapi orang telah membawa ini manakala dia telah mendapat tempat dan keadaan yang istimewa maka dia telah mengubah cara, corak, sudah dijadikan pula itu mencari kedudukan yang baik supaya dia dipuja, dia disayangi, dia dihormati dan dia dihujani oleh rezeki-rezeki yang murah. Ini yang jadi masalah. Kemudian lahir pula bentuk-bentuk yang cuba menggunakan ilmunya yang singkat itu mengambil jalan yang pendek, menyalahkan jalan yang betul, jalan yang benar, sehingga mereka itu sanggup meletakkan tidak payah sembahyang Jumaat, tidak payah pergi ke Mekah, boleh bina Kaabah dalam rumah mereka sendiri dan sebagainya.

Dengan sebab **itu**, Tuan Yang di-Pertua, pihak Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri harus bekerja kuat dalam masalah ini di samping Jabatan-jabatan Agama Negeri ataupun Majlis Agama, kerana ini kita tidak boleh biarkan. Kalau kita biarkan keadaan **ini**, lumrah yang ada sekarang ini akan merosakkan akidah dan pegangan. Ada pula lahirnya dalam golongan-golongan ini pengajaran-pengajaran yang begitu kuat sehinggakan mereka ini memandangkan bahawa

Kerajaan tidak betul, ahli-ahli politik pun tidak betul, sehinggakan kita Ahli-ahli Yang Berhormat pun tidak betul. Saya mendedahkan ini kerana saya berfahaman bahawa ini adalah satu amanah - amanah rakyat, amanah negara dan amanah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan amanah Allah s.w.t. Kita akan dipersoalkan semua apa yang kita buat. Dasar-dasar yang kita buat dan luluskan akan dipersoalkan, bukan habis di sini sahaja. Sebab itu kita mendedahkan ini supaya kita dapat menyelamatkan diri kita, menyelamatkan keluarga dan negara kita dan menyelamatkan keadaan kebahagiaan kita di dunia dan juga di akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, jadi gejala-gejala yang seperti ini di akhir-akhir ini telah beberapa banyak seminar yang dibuat oleh pihak Jabatan Perdana Menteri dan juga Institut Dakwah yang berlangsung baru-baru ini dan banyak kertas Kerja yang telah didedahkan.

Apa yang kita harap bahawa mereka yang pakar dalam masalah **ini**, mereka yang arif dan faham dalam masalah ini akan pergi jauh ke dalam masyarakat supaya dapat didedahkan keadaan ini kepada masyarakat dan diterangkan. Apakah sebenarnya pengajaran Islam ini, yang boleh membentuk rohani yang baik sehingga boleh melahirkan kita kasih kepada makhluk. Inilah yang saya nampak, yang patut dibuat. Jadi dalam masalah ini banyak isu yang boleh kita timbulkan dan saya nampak kita kena juga tengok tentang pengaruh-pengaruh yang ada **ini**, bahawa pengaruh-pengaruh yang saya maksudkan ialah tentang keadaan suasana kebudayaan dan sebagainya, sebab saya tengok dalam T.V di akhir-akhir ini ada pesesuaian yang dibuat di segi meletakkan Bimbingan Agama.

Dahulu saya tegur dalam Dewan ini supaya jangan buat waktu Maghrib orang hendak pergi sembahyang. Alhamdulillah dibuat sekarang ini selepas Isyak, tetapi yang menjadi masalah kepada saya, yang saya tengok 'Bimbingan Agama' itu diletakkan setelah Drama atau setelah filem dimainkan, datanglah 'Bimbingan Agama'.

Dari pengalaman saya sebagai insan yang dhaif masa filem itu mereka cukup steady, seronok dengan satu keluarga berkelompok duduk termasuk saya sekali, lepas itu muncul muka Juruhebah membacakan rancangan filem untuk malam besok, kemudian baru datang bunyi muzik ala Arab ini untuk menyiarkan 'Bimbingan Agama', Anak saya semua turun lari, mereka kata hendak pergi tidur, mengantuk katanya. Saya kata apa kau orang ini? Filem ini kau tengok, 'Bimbingan Agama' tak hendak dengar, mereka pun duduk diam, atau tidak peduli sahaja - satu pun tidak masuk.

Saya ingin mencadangkan berilah 'Bimbingan Agama' ini, buat persediaan hari itu sebelum dia tengok filem siarkan 'Bimbingan Agama' itu dahulu, tujuan kita supaya ini dapat dihayati, kalau kita mendedahkan satu program yang tidak boleh dimanfaatkan, saya rasa tidak ada gunanya sebab itu Tok Guru yang memberi 'Bimbingan Agama' terpaksa memerah otak supaya dapat diminati dan difahami oleh para penonton T.V. Begitu juga tentang 'Khutbah Jumaat' inipun dibuat waktu Maghrib, hendak menyiarkan 'Khutbah Jumaat' melalui Mimbar Masjid Negara, jadi saya mintalah supaya dapat diubahsuai, kalau tidak susah sedikit.

Menyentuh tentang hal ini saya hendak bercakap sedikit dan saya ingin mencadangkan apa salahnya 'Doa' pembukaan Dewan ini diubah sedikit style iaitu di permukaan dibuat Bismillahir-rahmanir-rahim yang original, saya rasa tidak menjadi apa-apa masalah.

Yang keduanya itu ditutup, Wassallahuala Syaidina Muhammadiin Waalaalihi Wasabihi Wasallam, sebab yang mengangkat itu kita, ini pandangan saya, supaya stylenya dapat dihayati dengan bacaan Bismillahir-rahmanir-rahim. Lain rasanya kalau kita kata: Dengan Nama Allah, bukan tidak betul, tetapi kita menghayati, sebab dalam melaksanakan rohani ini inilah satu keadaan yang paling susah dan paling hebat, sebab rohani ini dia bukan boleh celup-celup sahaja, dia kena pukul kuat-kuat, baru dia timbul, itupun kalau dia mahu timbul, kadang-kadang langsung dia tidak mahu timbul, dia tenggelam terus, dengan sebab itu kita harus memikirkan sesuatu ini boleh menimbulkan kemurniaan hati ini, dapat ditimbulkan melalui keadaan-keadaan sebagaimana yang telah saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali kerana saya berhajat berucap selama 45 minit sahaja, ini sudah lebih nampaknya.....

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Boleh terus?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila!

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Saya ingin menyentuh tentang Titah Ucapan ini iaitu berhubung dengan kemampuan menjalankan tanggungjawab pun disentuh dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda, kemampuan menjalankan tanggungjawab. Ini adalah melengkongi semua orang, semua rakyat, semua bahagian, semua golongan, ramai orang bercakap bahawa kecekapan kita kurang, amanah kitapun kurang, keikhlasan kurang, walaupun dilaungkan slogan "Bersih, Cekap dan Amanah' inilah kehendak-kehendak agama dan inilah kehendak-kehendak pucuk pimpinan atau inilah kehendak Kerajaan, manakala slogan ini dikeluarkan, nampaknya lebih khayal lagi, keadaan ini, sifat-sifat keamanahan itu telah nampak ditelanjangi begitu. Saya sudah nampak, dahulu kita tidak nampak, sekarang kita sudah nampak rupanya banyak penyelewengan-penyelewengan berlaku begitu besar sehingga mengancam keadaan negara, sehingga mengancam keadaan ekonomi dan sebagainya, sehingga mengancam keselamatan. Jadi, sifat amanah ini dapat kita tengok setelah ada keberanian, sudah ada kenyataan bahawa sifat ini harus dilahir baru kita nampak rupanya banyak perkara-perkara yang telah diselewengkan oleh pihak-pihak yang tertentu dan begitu juga tentang kecekapan bekerja, ada orang kata, orang politik hanya dia boleh bercakap, dia tidak boleh bekerja, kita sudah cakap, itu memang kerja kita bercakap, membuat orang lain, sebab bidang

masing-masing kita ada falsafah kita, orang Negeri Sembilan punya falsafah dia kata: beruang bak durian, belopak bak sawah, jadi ada bidang masing-masing tidak boleh sama.

Orang pentadbiran, dia bidang pentadbiran; orang buruh, bidang buruh dia, rakyat bidang dia, tengoklah apa bidangnya. Sebab masing-masing punya tanggungjawab, Dalam melaksanakan kelembapan inilah yang menjadikan masalah negara, menimbulkan kelembapan ekonomi sepertimana yang telah saya sebutkan tadi. Saya amatlah curiga tentang keadaan ini, kerana saya sudah banyak isu yang saya sebutkan.

Dahulu saya sebutkan isu hospital, isu jabatan dan baharu ini lagi satu isu hospital yang saya sendiri tengok. Dan satu lagi isu ialah isu JPJ di mana saya terpaksa pergi ke JPJ untuk mendapatkan Cukai Jalan yang dikecualikan kepada Ahli Yang Berhormat, Kerani itu tidak bagi orang lain ambil, saya terpaksa pergi dan dia kata mana surat? Saya kata, awak tidak buat penyiasatan, takkan kami hendak tipu, bukan lama tadi sahaja. Saya terpaksa pergi ke Seremban untuk mendapatkan Cukai Jalan. Tetapi tidak apalah saya kata, kalau kamu ttdak faham, biarlah saya jumpa dengan orang yang faham. Sepatutnya dia rujukkan kepada ketua **dia**, macam mana tidak boleh buat begitu. Kalau orang kampung datang macam mana. Orang yang saya amanahkan tiga kali bawa Road Tax saya itu supaya membaruinya, tiga kali tidak selesai. Ini apa cerita. Jadi, banyak masalah lain, masalah pentadbiran bukan mereka tidak boleh buat tetapi ia sengaja tidak mahu buat. Jadi, masalah macam inilah yang kita terapkan tadi, kalau kita ini sebagai orang yang diberikan kepercayaan, kita bolehlah sabar tetapi kalau orang kampung yang kena, alangkah azabnya orang-orang **ini**, Inilah yang dikatakan ekonomi lembab. Yang dijangkakan ekonomi itu satu hari belanja, sudah pergi tiga hari punya belanja. Mana hendak cari tiga hari

punya belanja, kalau \$10 sehari, tiga hari sudah jadi \$30 sedangkan kalau dia selesaikan masalah itu, dia rujukkan kepada pihak berkenaan, benda itu boleh selesai dalam setengah jam. Ini saya minta perhatian. Banyak lagi kalau kita hendak sebutkan dalam masalah penyelewengan ini.

Jadi, kalaulah keadaan ini berterusan, keadaan yang seperti ini berterusan, kita bimbang hajat dan hasrat Kerajaan membawa negara ini kepada kemurnian, kepada kecekapan, kebersihan dan keamanan tidak akan dapat dicapai. Sebab itu, kita tidak boleh menyalahkan satu pihak, kita harus membuat penyelidikan semua sekali, Sebab itu saya katakan tadi tentang tanggungjawab ini semua pihak terlibat. Kita tidak akan menyalahkan kakitangan Kerajaan. Kita tidak akan salahkan rakyat, kita tidak salahkan orang kampung tetapi kenapa kestabilan itu tidak wujud, tidak wujud suasana kasih kepada orang yang datang menemui kita, tidak datang rasa sempati memandangkan kedaifan orang yang menemui kita. Ini yang kita hasratkan. Jadi, dengan sebab itu, saya mintasupaya usaha-usaha ke arah menerapkan amanah ini harus dibuat.

Dalam pertanyaan saya tentang tanah terbiar kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang dijawab petang tadi, saya sengaja tidak hendak balas jawapan itu, tetapi bukti-buktinya nyata, ada bukti kelembapan itu berlaku. Kurang keindahan untuk hendak mengambil kecekapan bekerja sebagaimana yang saya maksudkan. Manakala saya bertemu rakan-rakan saya, bulan saya sahaja yang bertahanan demikian tetapi ramai lagi. Walaupun angkanya indah yang disebutkan tetapi pelaksanaannya tidak indah. Jadi, dengan sebab itu, saya harap perkara yang seperti ini dapat kita sama-sama menyelesaikan masalah ini.

Kita Ahli-ahli Dewan Negara ini adalah orang yang diberi tanggungjawab, terpaksa membuka mata dan membuka telinga, memerhati dan memandang serta memikirkan apa yang harus kita dedahkan untuk kemuslihatan negara dan rakyat. Sebab kalau kita hanya membutakan mata, memekakkan telinga maka amanah yang diberikan kepada kita ini akan tinggal dengan keadaan semacam itu dan kita akan dihukum bukan sahaja dihukum oleh rakyat, bukan sahaja dihukum oleh negara tetapi kita akan dihukum oleh Allah.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, memadailah saya mengambil bahagian turut sama menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom,

6.18 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama mengambil peluang menyokong Usul Mengucapkan Terima Kasih Kebawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapannya sewaktu merasmikan Penggal Pertama Parlimen Ketujuh pada 7 Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1983 di dalam membahaskan Titah Ucapan juga, saya telah bangun bercakap panjang, lima jam tujuh belas minit. Oleh kerana masa kali ini yang diperuntukkan kepada kita terhad dan banyak di antara Ahli-ahli dalam Dewan ini yang ingin mengambil bahagian bersama-sama, jadi saya mengambil beberapa perkara yang terkandung di dalam kesimpulan Titah Ucapan Seri Paduka

Baginda untuk sama-sama saya mengambil bahagian di dalamnya membahaskan sebagai menunaikan tanggungjawab sebagai Ahli Dewan Negara ini, tanggungjawab saya sebagai rakyat biasa, tanggungjawab saya sebagai penyokong Kerajaan dan untuk menyampaikan kepada pihak Kerajaan apa yang saya dengar dan saya lihat di luar Dewan **ini**, di serata kampung, di merata negeri dalam Malaysia. Maksud saya, keadaan yang berlaku dan yang difikirkan akan berlaku beberapa masa yang akan datang di dalam beberapa perkara seperti kestabilan politik kita, perpaduan antara kaum, integrasi nasional, keadaan belia dan pengangguran, serangan dadah, pencegahan rasuah, tanah terbiar dan bermacam-macam hal.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini semua sebahagian daripadanya telahpun disebutkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini dan jika sekiranya kebetulan saya terulang menyebut semula perkara itu, itu adalah secara kebetulan akan saya tekankan semula untuk manfaat rakyat sesuai dengan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda bahawa Kerajaan kita akan meneruskan dasar-dasar yang memberi manfaat kepada negara dan rakyat. Itu sahaja cita-cita kita untuk memberi manfaat, untuk menyampaikan dan mendatangkan manfaat yang berlebihan, untuk mengelakkan negara kita daripada kemerosotan dan kerosakan bala bencana dan malapetaka terutama malapetaka yang sengaja ditimbulkan oleh manusia, oleh rakyat Malaysia yang tidak mempunyai keinsafan dan kesedaran.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu Seri Paduka Baginda bertitah pada 7hb Oktober yang lalu Seri Paduka Baginda ada menyebut di dalam Titah Ucapannya beberapa potong Ayat Al-Quran, kerana tidak ada di dalam teks Ucapan Baginda sebenarnya ayat-ayat Al-Quran yang digebutkan oleh Seri Paduka Baginda dapat kita bahaskan bersama untuk manfaatnya.

Jadi saya mengambil di dalam bahasan ini Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya menyebut sepatah dua dari Al-Quran terutama sekali ayat yang biasa kita dengar, Bismillahir rahmanir rahim: "Wafiamfusikum Afala Tubsirun". Pada kejadian diri kaum itu sendiri, apakah tidak kamu lihat berbagai contoh dari hujung rambut hingga ke hujung kaki, kaki, tangan, pancaindera yang lima, nafsu amarah dan nafsu mutmainnah, perut dan kalau disebut dalam babasa agamanya faraj, ini orang perempuan marah, tetapi sebenarnya tidak, itu adalah termasuk dalam satu sendi.

Saya tidak menyebut makna faraj itu, faraj yang itu, tidak, ertinya di dalam pengetahuan agama itu adalah termasuk salah satu daripada kewajipan kita menjaganya, ertinya kehormatan, menjaga kehormatan diri, kehormatan masyarakat, kehormatan bangsa, kehormatan negara, ini yang pernah ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk menjadikan bangsa kita bangsa yang ada maruah. Ini menjaga faraj namanya, tetapi bukan faraj yang itu. Maruah bangsa, jadi jangan saudara-saudara memikirkan saya membawa ke jalan yang lain. Tidak. Kita kena faham yang itu. Sebab Allah s.w.t. menurunkan beberapa ayat Al-Quran sebagai ayat sindiran dan ayat tamthil, tidak terus terang Allah Taala menurunkan ayat itu untuk difahamkan oleh manusia dan manusia ini sendiri dijadikan oleh Allah s.w.t. bukan saya hendak beri kuliah agama, tetapi saya hendak menyambung Titah Ucapan Seri Paduka Baginda.

Apabila Allah berkata kepada Malaikat untuk menjadikan Khalifah di muka bumi iaitu manusia, pertikaian telah ada antara Malaikat sendiri bertanya kepada Allah s.w.t., tetapi Malaikat sujud kepada Adam. Jadi kita pun jadilah. Apabila jadi manusia ini maka diturunkan ke atas manusia itu baginya beberapa Rasul dan Nabi. Nabi-nabi beratus ribu. Rasul yang pilihan 25, yang utama 5, hinggalah kepada Nabi kita yang terakhir. Kenapa Nabi kita diutus yang terakhir mengikuti Surah Al-Jumaat, Ayat 3. Minta Izin, Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan di dalam Ayat Al-Quran, Ayat 3, Surah Al-Jumaat, yang bermaksud:

Dia Allah yang membangkitkan dari kalangan kamu orang yang ummi seorang Rasul pesuruh daripada kalangan kamu untuk mengajar kamu tanda-tanda kebesaran Allah. "Wayuallimuhumul kitaba Walhikmah." Hukum agama, hukum hidup, Perlembagaan dan sebagainya, tatacara, Undang-undang, muamalat, munakahat, faraid, jinayat dan sebagainya. "Wayuzakkihim", ini yang berat belajar semua orang belajar filosofi, banyak filosofi, falsafah, banyak falsafah. Universiti bertabur seluruh dunia tetapi sampai kepada ayat, "Wayuzakkihim," ini yang Rasulullah bersabdakan balik daripada satu perang yang besar akan menghadapi perang yang lebih besar lagi. Bertanya para sahabat, mana ada perang yang lebih besar daripada perang yang baru kita lalui, ya Rasulullah? Rasulullah berkata, "Jihadinnafs," memerangi hawa nafsu. Ini termasuk di dalam ajaran Ayat, "wayuzakkihim," Tuan Yang di-Pertua.

Adakah ayat ini tidak kena pada kita yang duduk dalam Dewan ini di luar Dewan ini, rakyat Malaysia sekarang ini? Jawabnya, kena. Jadi, kita kena melaksanakan perintah Allah, "Wayuzakkihim," kalimah "yuzakkihim" ini, kalimah azka, atau zakkiyyun ini panjang ceritanya, tidak dapat hendak kita kupas dalam sesi mesyuarat Senate kali ini, tidak boleh selesai. Tetapi kita boleh menyelesaikan ini kerana kita meneruskan warisan, warisan pemimpin-pemimpin yang dahulu hendak menyelamatkan bangsa daripada dijajah selama 446 tahun supaya kita bersih, merdeka, menjadi bangsa yang berdaulat, bangsa yang ada maruah, bangsa Malaysia yang tahu mengatur hidupnya, bangsa Malaysia yang Allah Ta'ala jadikan daripada berbagai keturunan, warna kulit, kebadayaan dan agama menjadi satu bangsa Malaysia yang kuat perpaduannya. Tidak lari daripada soal hidup.

Apa agama pun Allah Ta'ala utus untuk mengajar manusia bersatu bukan perang, tetapi dalam suratul Al-Baqarah, berpuluh-puluh ayat Allah Taala menerangkan bahawa yang dikatakan Yahuda keturunan Bani Israel, kita baru teringatlah, dua, tiga hari yang sudah, baca satu ajallah mengatakan bahawa Yahudi sebarang ini adalah penjenayah ulang dunia, penjenayah gangster yang utama dalam dunia. Berbelas-belas ayat di dalam Surah Al-Baqarah itu menerangkan kenapaini berlaku. Dan ini akan terus berlaku sehingga yaumulqiamah, maka itu diperingatkan kepada manusia, baik dia pengikut Muhammad, baik dia pengikut Isa, pengikut Musa, sedangkan syariah Nabi Musa dan Isa itu sudah pupus kerana adanya syariat Muhammad menentang Yahudi kerana Yahudi ini sudah buat perjanjian dengan Rasulullah di Madinah dan Yahudi yang mula-mula membatalkan perjanjian itu dengan menyiksa seorang perempuan muslimah di tengah-tengah pasar. Ini cerita asalnya turun ayat-ayat yang memperingatkan kepada kita supaya menentang gerakan Yahudi yang sekarang ini terkenal dengan zionis dan anak-anaknya.

Jadi, kita kena ingat bahawa zionis ini tidak melebelkan serangannya hendak menghancurkan Islam ini dengan nama zionis, dengan nama anak-anaknya kita tidak tahu mungkin ada dalam negara kita ini yang pernah ditimbulkan di dalam Dewan, di luar Dewan dengan Freemason dan sebagainya dengan gambar ular yang akan melingkari Asia ini bahawa satu daripada peta yang terlingkar di dalam gambar ular yang melengkar Asia kawasan aman ini termasuklah Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita sama-sama dengan beberapa negara ASEAN yang baru-baru ini membantah kedatangan atau membantah datangnya Presiden Israel ke sebuah negara jiran kita kerana kita takut, kita kluatir bahawa dengan adanya kehadiran beliau walaupun dalam beberapa jam, beberapa hari tetapi anak-anak kepada gerakan zionis itu merasa jangga dan mereka akau melipatgandakan lagi usaha-usahanya untuk menghancurkan negara-negara yang masih kuat berpegang kepada kehendak Islam.

Kita mesti mengakui bahawa negara kita sebagai sebuah negara yang mengakui Islam sebagai agama rasmi, ini ada di dalam teropong, ada di dalam pandangan, ada di dalam sifir bila Malaysia ini akan dihancurkan dengan cara yang mempesonakan yang kita tidak sedar, yang kita akan hancur. Hancur melalui perang kebudayaan, perang bersenjata barangkali Bangsa-bangsa Bersatu akan mengutuknya, akan menyebelahi kita, namun demikian apa keputusan mengenai dengan, Palestine sehingga pun sekarang Bangsa-bangsa Bersatu mengutuknya berpuluh kali mereka tetap menjalankan kekejaman pembunuhan di situ.

Jadi, yang kita takut nanti ialah peperangan secara evolusi secara senyap melalui kebudayaan. Memecahkan perpaduan, memecahkan integrasi, memecahkan maruah yang sedang kita tanam, menghapuskan rasa cinta kepada Malaysia yang kita pupuk melalui dasar pelajaran, melalui itu, melalui ini, mereka akan masuk kecelah-celah itu supaya kita saras kita berkecamuk sama sendiri.

Kita berharap pihak Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri kalau kita buka definisi Kementerian Luar Negeri, Bahagian Luar, ada macam-macam bahagian, tidak payah saya sebut satu persatu, ada di dalam Warta Kerajaan menerangkan apa peranan Kementerian Luar Negeri dalam bidang-bidang ini pun ada, jadi peranan ini patut ditegaskan oleh Kerajaan kita dalam menghadapi keadaan yang baru berlaku dalam negara kita. Kita tidak mahu biduk lalu kiambang bertaut, balik Presiden Israel, kita pun senyap, jangan kita tidak mengkaji apa kesan daripada peninggalan yang dibawa beberapa hari di negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, itu perkara pertama yang saya fikir rakyat kita sendiri tertanya-tanya di mana-mana sebab rakyat kita tidak terang sejarah Palestine, sejarah Israel, jadi ada baiknya media massa sama ada milik Kerajaan atau milik swasta menerangkan kepada rakyat, menerangkan kepada orang ramai supaya setiap rakyat kita yang cintakan kedamaian cintakan keharmonian, mengerti perkara ini yang sebenarnya dan tidak bertanya-tanya, menjadi soalan yang tidak berjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada perkara utama yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda.....

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa kita sudah cukup, Yang Berhormat boleh menyambung pada hari esok. Minta maaf.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga pukul 2.30 petang hari esok, hari Rabu 3hb Disember, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

[Jawapan bagi Pertanyaan No.18 hingga 21 adalah diberi di bawah ini]

PENDATANG HARAM DI WAD HOSPITAL

18. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah pendatang haram yang dimasuki ke wad hospital bagi rawatan penyakit-penyakit yang merbahaya. Nyatakan juga penyakit yang dihadapinya dan dari negara mana mereka itu datang, secara berasingan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]: Angka-angka pesakit yang memasuki wad-wad di seluruh Malaysia tidak dipecahkan mengikut kewarganegaraan mereka. Oleh yang demikian, jumlah bilangan pendatang haram yang dirawat di wad-wad hospital tidak dikumpulkan.

PROJEK MEWAH

19. **Tuan Wong Kie Yik** minta Menteri Kewangan menyatakan senarai-senarai projek pembangunan yang ditarafkan sebagai mewah dan kurang pentingnya dalam keadaan ekonomi yang lembab sekarang dari segi pendapatan Kerajaan.

Tuan Loke Yuen Yow: Sehingga kini, Kerajaan tidak mempunyai sebarang definasi mengenai istilah projek-projek mewah. Kerajaan berpendapat konsep projek mewah adalah persepsi individu. Adakalanya projek yang dianggap tidak mewah oleh Kerajaan menjadi projek mewah oleh individu. Oleh itu, adalah sukar bagi Kerajaan menyatakan senarai projek-projek pembangunan yang ditarafkan sebagai mewah. Dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang, hanya projek-projek yang memberi faedah kepada rakyat akan dilaksanakan oleh Kerajaan.

MENGAPI-API PERASAAN PERKAUMAN

20. **Tuan R.M.Jasni** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai maklumat tentang campuran-tangan orang asing di Negeri Sabah untuk mengapi-api perasaan perkauman dan keugamaan yang dianuti oleh sesuatu kaum di Sabah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan tidak menerima apa-apa maklumat mengenai campur-tangan orang asing di Negeri Sabah untuk mengapi-api perasaan perkauman atau keugamaan.

PERMOHONAN TARAF KEWARGANEGARAAN

21. **Tuan Ng Ah Poi** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan orang imigrasi dari Indonesia, India, Singapura dan negara lain yang telah memperolehi taraf kewarganegaraan Malaysia masing-masing dari tahun 1981 hingga sekarang, dan juga menyatakan bilangan pemastautin yang dilahirkan di Malaysia yang telah memperolehi taraf kewarganegaraan Malaysia dalam tempoh yang sama.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Dari tahun 1981 hingga sekarang sejumlah 9089 permohonan terdiri dari rakyat Indonesia, India, Singapura, Cina dan lain-lain negeri telah diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri. Jumlah permohonan taraf kewarganegaraan yang telah diluluskan dari permohonan yang dilahirkan di Malaysia ialah 7,759.

Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memberi angka-angka permohonan taraf kewarganegaraan yang berjaya mengikut negara asal pemohon kerana rekod sedemikian tidak disimpan oleh Kementerian.